



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.40 | SUBUH 4.50 | SYURUK 6.10 | DUHA 6.33 | ZUHUR 12.19 | ASAR 3.34 | MAGHRIB 6.26 | ISYAK 7.38

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 50

26 APRIL 2025 / 1446 شوال 27

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

AL-QURAN SEBAGAI PANDUAN HIDUP SEMPURNA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masih. Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya

BERAKAS, Khamis, 24 April. - Musabaqah Membaca Al-Quran seperti ini memainkan peranan besar dalam meningkatkan kecintaan umat Islam terhadap Al-Quran. Bacaan yang tertil dan indah menyentuh hati, sementara penghayatan isi kandungannya mengerakkan akal untuk berfikir secara mendalam dan bijaksana.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala, dalam Surah Al-An'am, ayat 50 yang tafsirnya : "Tidakkah kamu mau berfikir?". Ayat ini menyeru umat Islam untuk menggunakan akal dengan penuh hikmah, berpandukan Al-Quran dalam segala aspek kehidupan dan akal yang sihat adalah asas kepada masyarakat yang maju dan sejahtera.

Kecemerlangan akal hanya dapat dicapai apabila ia dipandu oleh wahyu Ilahi, iaitu Al-Quran.

>> Muka 3

Komitded menginspirasi masyarakat cintai buku, suka membaca

Oleh : Khartini Hamir

BERAKAS, Rabu, 23 April. - Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mengisytiharkan 23 April sebagai Hari Buku Sedunia dengan tujuan untuk menggalakkan budaya membaca, penerbitan dan pemeliharaan hak cipta buku.

Di samping itu, ia merupakan sambutan global yang bertujuan untuk menghargai buku, penulis dan budaya membaca.

Sambutan kali ini mengangkat tema 'Bacalah dengan Gayamu' atau 'Read Your Way', yang menekankan kepentingan membaca untuk keseronokan dan menggalakkan individu terutamanya kanak-kanak dan remaja untuk memilih bahan bacaan yang mereka gemari tanpa tekanan atau paksaan.

Perkara itu digariskan oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Suip bin Haji Abdul Wahab, selaku Pengurus Majlis dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Sambutan Hari Buku Sedunia 2025 yang diadakan di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), petang tadi.

>> Muka 13

Kadar liputan imunisasi NBD melebihi 95 peratus

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 April. - Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) sekali lagi bersama dengan negara-negara ahli Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang lain, akan menyambut Minggu Imunisasi Sedunia 2025 pada 24 hingga 30 April 2025.

Minggu Imunisasi Sedunia disambut setiap tahun untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan vaksin dalam melindungi individu dan komuniti daripada penyakit berjangkit yang boleh dicegah.

Bagi 2025, Minggu Imunisasi Sedunia

disambut dengan tema 'Immunisation for All is Humanly Possible'. Tema pada tahun ini memberi peringatan tentang kemajuan vaksin yang merupakan salah satu pencapaian terbesar dalam sejarah kemanusiaan.

Menyambut dengan tema 'Immunisation for All is Humanly Possible'. Tema pada tahun ini memberi peringatan tentang kemajuan vaksin yang merupakan salah satu pencapaian terbesar dalam sejarah kemanusiaan.

>> Muka 10

Peluang terokai keindahan semula jadi, warisan budaya unik NBD

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

JERUDONG, Khamis, 24 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menjalin hubungan yang lama dan bermakna dengan Republik Rakyat China, iaitu satu hubungan yang terus berkembang daripada segi skop dan kedalamannya.

Dengan pembukaan semula laluan ini, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) menantikan kehadiran lebih ramai pelawat

dari Republik Rakyat China ke NBD.

Laluan penerbangan ini bukan sahaja menawarkan peluang kepada para tetamu kami untuk melancong ke NBD, tetapi juga satu peluang untuk memperkenalkan keindahan semula jadi serta warisan budaya unik NBD.

>> Muka 12

MANISNYA IMAN ایمان

"MAKAN dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan."

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-A'raf, ayat 31



Berita Utama



133 rekrut lelaki tamat latihan diraikan

Muka 14



PEJABAT kekal KSPB dirasmikan

Muka 18



PELUANG meneroka pelbagai tarikan pelancongan NBD

Muka 25



RENCANA

MEMPERKASA industri agrimakanan, diversifikasi ekonomi negara

Muka 28



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Perasmian Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi pada Selasa, 22 April 2025 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillah Hir Rahman Nir Rahim
Alhamdulillahi Rabbil 'Alaameen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil
Mursaleen, Sayyidinaa Muhamadin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,
Waba'du.

SEGALA puji dan syukur dirafakkan ke Shadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas

Al-Quran menyihatkan akal, mengajarkan manusia merenungkan tanda-tanda kebesaran-Nya

limbah rahmat dan Inayah-Nya juga, kita dapat berkumpul untuk mendengar dan menghayati bersama lantunan kalam Allah dalam Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah bersamaan 2025 Masihi.

Kalam Allah yang termaktub dalam Kitab suci Al-Quran yang diwahyukan melalui Malaikat Jibril 'Alaihissalam adalah mukjizat teragung yang diturunkan kepada Nabi terakhir Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam sebagai pedoman dan petunjuk sepanjang zaman. Di dalamnya terkandung hukum mengenai ibadah secara individu dan undang-undang sosial, kisah para Nabi dan umat terdahulu termasuk pelbagai petunjuk tentang kekuasaan Allah Maha Pencipta, kejadian alam dan sains.

Hikmahnya adalah untuk diimani dengan hati dan difikirkan dengan akal manusia yang sihat. Akal yang sihat dan cerdas sahaja yang dapat mendalami dan memahami hikmah ayat-ayat yang terkandung dengan melazimkan membaca, di samping mengukuhkan kefahaman melalui amalan tadabbur yang menjurus kepada menerangkan mata hati serta akal dan minda yang tajam. Justeru, akal dikurniakan kepada manusia sebagai alat organ spiritual untuk memahami, menilai dan membuat keputusan berpandukan kepada wahanu Ilahi agar tidak tersesat dari kebenaran.

'Akal' disebut dalam Al-Quran sebanyak 49 kali dalam mana para Ulama menafsirkan kata 'akal' disebut dengan kata kerja, iaitu suruhan supaya manusia sentiasa dalam proses memikir, memahami dan seterusnya mengenali Maha Pencipta alam semesta.

Dalam hubungan ini, Paduka Ayahanda sempena sambutan Maulidur Rasul yang baru lalu khasnya mengurniakan titah mengenai dengan keperluan untuk

'Memelihara Akal' di sebalik cabaran-cabaran masa kini dalam mana Paduka Ayahanda turut menitahkan antara lain tentang akal yang sihat menjamin kehidupan berkat. Jika akal sihat, semua akan berjalan dengan baik, lancar dan berjaya. Sebab itu gejala mental adalah menjadi keutamaan untuk dirawat.

"Dalam era digital masa ini, cabaran semakin besar, terutama dengan kehadiran media sosial yang kadang-kadang menyebarkan maklumat bercanggah dengan ajaran Islam aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Oleh itu, kita perlu memperkuat sistem imunisasi atau kekebalan diri dengan pendidikan agama. Ini penting, supaya kita tidak terpengaruh oleh ideologi dan pemikiran yang tidak selari dengan dasar kerajaan."

Sehubungan dengannya, Paduka Ayahanda juga seterusnya menitahkan bagi aktiviti-aktiviti dakwah yang dikendalikan oleh pihak-pihak berkenaan akan dapat disampaikan secara berhikmah, sehingga mampu untuk menjadi benteng menghalangi ajaran-ajaran sesat daripada disebar melalui pelbagai bentuk aplikasi media.

Dengan demikian, keperluan untuk 'Memelihara Akal' dan seterusnya memperkuuh kekebalan diri adalah bertepatan dengan tema Musabaqah kali ini, iaitu 'Akal Sihat dengan Al-Quran'. Fungsi akal sihat menurut Al-Quran adalah akal yang selalu ingat kepada Allah, mengenal kebesaran-Nya, dan menjalankan fungsinya sesuai dengan tujuan penciptaannya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Ali-'Imran, ayat 190-191, tafsirnya: "Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi serta pertukaran malam dan siang terdapat tanda-tanda (kekuasaan dan kebijaksanaan Allah) bagi orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan

memahaminya). (laitu) orang-orang yang mengingati Allah dalam keadaan berdiri, duduk atau berbaring dan mereka memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Ya Tuhan kami! Tidaklah Engkau menciptakan semua ini sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab neraka."

Konsep 'Akal Sihat dengan Al-Quran' pada sekutu saya bermaksud kesihatan dan ketajaman pemikiran seseorang bergantung kepada sejauh mana akal itu berpandukan ajaran Al-Quran. Al-Quran menyihatkan akal dengan membimbang akal ke arah kebenaran, mengajarkan manusia berfikir secara kritis dan merenungkan tanda-tanda kebesaran-Nya. Al-Quran juga menjauhkan dari pemikiran yang tidak sihat, negatif dan songsang serta menghindarkan dari ideologi yang menyesatkan dan nafsu yang melampaui batas.

Disinilah signifikannya peranan semua pihak berkepentingan khasnya dalam bersama-sama menjunjung serta menanam titah saranan Paduka Ayahanda seiring dengan keperluan untuk memperkasa masyarakat dalam menghayati ajaran-ajaran murni Islam berlandaskan Maqasid Syariah ke arah melahirkan generasi bangsa dan negara yang sentiasa berusaha meraih keberkatan kehidupan dunia dan ukhwai.

Akhirnya, dengan lafadz kalimah agung 'Bismillah Hir Rahman Nir Rahim', selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, saya sukacita merasmikan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1446 Hijrah.

Sekian,
Wabillahit Taufiq Wal-hidayah,
Wassalamu 'Alaikum Warahmatullaahi
Wabarakatuh.

SIDANG PENGARANG

26 APRIL 2025

Isikan jiwa dengan ilmu berfaedah

DEFINISI kesihatan secara menyeluruh tidak hanya tertumpu pada kesihatan fizikal semata-mata tetapi turut merangkumi kesihatan mental. Mengikut takrif Pertubuhan Kesihatan Sedunia : Kesihatan adalah satu keadaan merangkumi kesihatan secara fizikal, mental dan sosial dan tidak hanya ketiadaan penyakit.

Secara umumnya, mental menggambarkan tahap kesejahteraan pemikiran dan emosi seseorang individu. Masalah kesihatan mental bukanlah bermakna gila atau kurang siuman. Kesihatan mental adalah cara manusia berfikir, merasa, berkelakuan dan berinteraksi dengan orang lain.

Kesihatan mental amat penting diberikan perhatian. Lazimnya seseorang yang sihat mentalnya akan sentiasa menunjukkan sifat-sifat positif seperti mudah bergaul, berasrah mesra, berkeyakinan tinggi, bijak mengurus dan berupaya mengendalikan sesuatu masalah secara bijaksana. Sebaliknya gangguan mental menyebabkan seseorang merasa resah, murung, celaru, gugup, cemas, takut, tertekan dan sebagainya yang mengakibatkan berlakunya perubahan sikap seperti berdiam diri, enggan bergaul, mudah marah, hilang tumpuan serta hilang kewarasan. Jika tidak dibendung atau tidak dirawat, gangguan mental boleh membawa kepada tindakan lebih buruk sehingga melakukan perbuatan-perbuatan yang mencederakan ahli keluarga, orang sekeliling, malah menjasikan keharmonian hidup bermasyarakat.

Islam adalah agama rahmat kepada seluruh alam yang memberi penekanan kepada semua aspek kehidupan termasuklah dalam hal menjaga kesihatan tubuh badan, pemeliharaan akal dan kesihatan mental. Oleh itu, amat mustahak untuk kita semua menyedari tentang pentingnya kesedaran terhadap penyakit mental, memelihara tahap kesihatan mental yang baik dan mengenal pasti gejala-gejala masalah kesihatan mental yang memerlukan perhatian dan rawatan.

Sepertimana sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada Majlis Perasmian Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah/2025 Masihi, "Akal dikurniakan kepada manusia sebagai alat organ spiritual untuk memahami, menilai dan membuat keputusan berpandukan kepada wahanu Ilahi agar tidak tersesat daripada kebenaran".

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, akal disebut dalam Al-Quran sebanyak 49 kali dalam mana para ulama menafsirkan kata 'akal' disebut dengan kata kerja, iaitu suruhan supaya manusia sentiasa dalam proses memikir, memahami dan seterusnya mengenali Maha Pencipta alam semesta.

Harus juga diingat, menjaga kesihatan dalam Islam bukanlah sekadar luaran sahaja tetapi perihal dalaman (rohani) juga harus dititikberatkan. Jiwa yang tidak diisi dengan ilmu yang berfaedah akan teras kosong dan akhirnya akan mencari sesuatu yang tidak baik sebagai mengisi kekosongan di dalamnya. - Ketua Penyuntingan (Ad)

WAKTU SEMBAHYANG

APRIL MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
26	SABTU	27	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.38
27	AHAD	28	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.38
28	ISNIN	29	4.40	4.50	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
29	SELASA <small>(ZULKAEDEAH)</small>	1	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
30	RABU	2	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
1 <small>(MEI)</small>	KHAMIS	3	4.38	4.48	6.09	6.32	12.18	3.36	6.26	7.38
2	JUMAAT	4	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
33 °C 26 °C 33 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C	32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 31 °C 26 °C 31 °C 25 °C	32 °C 24 °C 32 °C 24 °C 31 °C 25 °C 31 °C 25 °C
Pekan Bangar		
33 °C 25 °C 33 °C 25 °C 32 °C 25 °C 32 °C 25 °C	32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 31 °C 26 °C 31 °C 25 °C	32 °C 24 °C 32 °C 24 °C 31 °C 25 °C 31 °C 25 °C
Pekan Tutong		
32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 31 °C 25 °C 31 °C 25 °C	31 °C 26 °C 31 °C 26 °C 30 °C 25 °C 30 °C 25 °C	31 °C 25 °C 31 °C 25 °C 30 °C 25 °C 30 °C 25 °C
Kuala Belait		
32 °C 25 °C 32 °C 25 °C 31 °C 25 °C 31 °C 25 °C	31 °C 25 °C 31 °C 25 °C 30 °C 25 °C 30 °C 25 °C	31 °C 25 °C 31 °C 25 °C 30 °C 25 °C 30 °C 25 °C
Wallauhala Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

www.met.gov.bn

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Al-Quran sebagai panduan hidup sempurna



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan titah pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa,

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Mohammad Hasif Matzin

Berakas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah, Al-Quran mendidik akal untuk mengenal perkara-perkara baik dan buruk, memberi pertimbangan yang adil, serta menyatukan ilmu dunia dengan nilai-nilai ukhrawi.

Oleh itu, usaha menjaga kesihihan dan kesucian mushaf Al-Quran adalah satu amanah yang mesti diberi perhatian utama.

Dalam hubungan ini titah baginda lagi, bagi memastikan setiap bahan-bahan terbitan yang meliputi mushaf Al-Quran untuk diterbitkan, dicetak dan diedarkan di negara ini hendaklah memenuhi piawaian yang tinggi.

"Beta berpendapat adalah baik bagi agensi-agensi yang berkaitan memperkemaskan lagi garis panduan yang sedia ada dengan mewujudkan satu akta khas penerbitan, pencetakan dan pemuliaan mushaf Al-Quran bagi Negara Brunei Darussalam.

Beta berharap ia akan dapat dimanfaatkan dalam memastikan setiap mushaf yang akan diguna pakai itu memenuhi kaedah Rasm Uthmani yang diiktiraf di peringkat antarabangsa," tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia lagi.

Hubungan di antara tema dengan keperluan akta ini titah

Kebawah DYMM lagi, mengingatkan kita kepada, bahawa Al-Quran bukan sekadar bacaan, tetapi sebuah manual kehidupan yang mendidik akal budi untuk mengenal hikmah dan kebenaran.

Dengan adanya akta ini tegas titah baginda, kita dapat memastikan bahawa mushaf Al-Quran yang digunakan oleh umat Islam di negara ini adalah sahih, sekali gus menjamin keaslian panduan Al-Quran dalam mencerdaskan akal dan jiwa.

Terdahulu, Kebawah DYMM bertitah, alhamdulillah, dengan berkat dan mukjizat Al-Quran juga, maka dapatlah kita berhimpun pada malam yang penuh keberkatan ini untuk sama-sama memeriahkan Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1446H bersamaan 2025M.

Tema musabaqah tahun ini, titah baginda, iaitu 'Akal sihat dengan Al-Quran', amat bertepatan dengan peranan Al-Quran sebagai panduan hidup yang sempurna.

Al-Quran, tegas Kebawah DYMM lagi, bukan sahaja memberi pencerahan kepada akal fikiran, tetapi juga mendidik jiwa untuk memahami erti kebenaran, keadilan dan kehidupan yang aman serta sejahtera.

Mengakhiri titah, baginda berharap, pihak-pihak berkenaan akan dapat memberikan sokongan padu dalam usaha-usaha berkebajikan ini, dan juga yang berkait rapat dengan pengukuhan amalan supaya tidak terpesong atau tersasar dari landasan pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Mazhab Syafe'i.

"Laungan Kalamullah yang sentiasa bergema di muka bumi Brunei Darussalam ini tidak diragukan lagi adalah pemangkin kepada kesejahteraan negara dan kemakmurnannya," titah Kebawah DYMM lagi.

AWANG AHMAD ZULWAQAR, DAYANGKU SITI UMMI SYAZANA JOHAN QARI, QARIAH MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Mohammad Hasif Matzin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke majlis berkenaan (atas dan kiri).

BERAKAS, Khamis, 24 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan

Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi dengan membawa tema 'Akal Sihat Dengan Al-Quran', malam tadi.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan piala pusingan kepada Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili, johan qari dan Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki, johan qariah pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan hadiah kepada naib johan musabaqah, Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri dan Dayangku Amal Zahirah binti Pengiran Haji Jofri.

>> Muka 3

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja

Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M dan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat

Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M. Turut menjunjung keberangkatan tiba, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat

Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M dan Menteri Kesihatan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pengendali Bersama Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M.

>> Muka 5



ANTARA yang hadir pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan.

>> Muka 4

Juga menjunjung keberangkatan tiba, Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan

Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof selaku Pengendali Bersama Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa

Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi serta Jawatankuasa Kerja Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M.

Majlis dimulakan dengan persempahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Qari Jemputan dari Malaysia bersama keluarga iaitu Haji Azraie bin Dato' Haji Abdul Hak; Hajah Sarrul Munirah binti Haris serta anak-anak iaitu Athirah binti Haji Azraie; Ahmad

Asyraf bin Haji Azraie; Ahmad Abrar bin Haji Azraie; Arifah binti Haji Azraie; Ahmad Azfar bin Haji Azraie; Adirah binti Haji Azraie dan Ahmad Ammar bin Haji Azraie.

Kemudian majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

>> Muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra pada majlis tersebut (atas) manakala gambar atas kanan, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan. Sementara gambar bawah kiri dan gambar tengah, johan qari dan qariah semasa memperdengarkan bacaan. Seterusnya gambar bawah kanan sekali, antara persempahan bacaan ayat suci Al-Quran oleh Qari Jemputan dari Malaysia bersama keluarga.





KEBAWAH DYMM semasa berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra sebelum berangkat balik (atas kiri, atas kanan dan bawah kanan).

>> Muka 5

Pada majlis itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah dan kemudian dijunjung menyempurnakan penganugerahan hadiah-hadiah, cenderamata dan sijil kepada para peserta Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M, para hakim musabaqah dan qari jemputan.

Dengan mengutip markah 92.58 peratus, johan qari dimenangi oleh Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili. Naib johan disandang oleh Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri dengan meraih markah 91.65 peratus, manakala tempat ketiga disandang oleh Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki dengan markah 91.42 peratus.

Sementara, johan qariah diraih oleh Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki dengan mengutip markah 87.99 peratus. Naib johan dimenangi oleh Dayangku Amal

Zahirah binti Pengiran Haji Jofri dengan markah 87.99 peratus, sementara tempat ketiga dimenangi oleh Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat dengan markah 87.16 peratus.

Johan qari dan qariah membawa pulang piala pusingan, wang tunai BND7,000 dan Pakej Haji bagi Kali Pertama Mendapat Johan; Piala Pusingan, Hadiah Iringan, Sijil Penyertaan; Pakej Umrah bernilai BND5,000 sumbangan daripada Brunei Shell Marketing Company Sendirian Berhad; Akaun Simpanan Tekad Haji berjumlah BND5,000 sumbangan daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd., dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.; dan Sebidang Kain Tenunan Brunei sumbangan daripada Syarikat Little Ummi.

Manakala naib johan qari dan qariah masing-masing membawa pulang wang tunai BND5,000; Hadiah Iringan, Sijil Penyertaan; Akaun Simpanan Tekad Haji berjumlah BND2,500 sumbangan daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB),

Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd. dan tempat ketiga menerima wang tunai BND3,000; Hadiah Iringan, Sijil Penyertaan; Akaun Simpanan Tekad Haji berjumlah BND1,500 sumbangan daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Pengumuman keputusan musabaqah berkenaan diumumkan oleh Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali selaku Pengurus Jemaah Hakim.

Majlis turut diserikan dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh johan qari, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili dan qariah, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Musabaqah tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kementerian Hal Ehwal Luar

Negeri; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Brunei Shell Marketing Company Sendirian Berhad.



BERAKAL SIHAT BERKAT MEMBACA AL-QURAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohd. Sahrizal
Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Khamis, 24 April. - Ayat-ayat Al-Quran yang dibacakan dalam musabaqah tahun ini ialah sebahagian daripada ayat-ayat Surah Saba' dan Surah Fathir. Kedua-duanya dalam juzuk 22. Setelah ditilawahkan disusuli dengan penyampaian ibrah atau pengajaran yang dipetik daripadanya.

Ibrah telah disampaikan dengan baik oleh enam orang pegawai muda dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyembahyang pada umumnya, ibrah atau pengajaran daripada ayat-ayat yang ditilawahkan oleh peserta-peserta musabaqah adalah mengilhamkan dan menginsafkan untuk menjadi pegangan keugamaan dalam kehidupan individu, berkeluarga,

bermasyarakat dan berpemerintahan dan bernegara, yang memandu dan mendorong ke arah kehidupan yang selamat dan sejahtera, berjaya dan cemerlang, baik dan seimbang bagi dunia dan akhirat.

"Inti patinya ialah dalam kehidupan individu, berkeluarga, bermasyarakat, bernegara dan berpemerintahan hendaklah beriman dengan hanya bertuhankan Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan mensyukuri nikmat-nikmat yang dilimpahkan-Nya : iaitu menggunakan nikmat yang diberikan Allah dengan sebaik-baiknya untuk mendapatkan nilai tambah seperti yang Allah janjikan."

Dan tidak mengufuri nikmat iaitu mensia-siakannya dan menyalah-gunaannya yang akan menyebabkan nikmat akan hilang dan mendatangkan penderitaan di dunia dan di akhirat."

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyembahyang demikian semasa Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir

Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, malam tadi.

Yang Berhormat selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M dalam sembah alu-aluannya seterusnya menyembahyang, bilangan keramaian kanak-kanak dan murid-murid yang dihantar oleh ibu bapa atau keluarga mereka belajar muqaddam dan Al-Quran di masjid-masjid seluruh daerah adalah terus meningkat.

Misalnya, sembah Yang Berhormat lagi sehingga pada bulan Februari tahun 2024 ada seramai 14,399 orang, dan menurut data keramaianya pada bulan Februari tahun 2025 ini ada seramai 14,963 orang iaitu meningkat seramai 564 orang.

"Oleh itu dapat dikatakan bahawa membaca Al-Quran adalah terus menerus dipelajari termasuk secara *non-formal* di luar sistem persekolahan di peringkat kanak-kanak dan murid bahkan bagi orang-orang dewasa. Ini adalah menandakan suatu yang sangat positif di mana negara kita berada pada landasannya yang betul ke arah melahirkan rakyat

dan penduduk yang celik Al-Quran, Alhamdulillah.

"Maka dalam konteks tema musabaqah tahun ini 'Akal Sihat Dengan Al-Quran' kita bolehlah beranggapan bahawa majoriti rakyat dan penduduk khasnya generasi kita sekarang dan akan datang itu adalah individu-individu yang sihat akalnya berkat celik Al-Quran, pandai dan melazimi membaca Al-Quran yang seterusnya berusaha memahami dan mengambil pengajaran daripadanya," sembah Yang Berhormat.

Sembah Yang Berhormat lagi, dengan itu mereka adalah dikirakan akan terpelihara atau terlepas daripada mengalami gejala mental yang memerlukan dirawat dengan pendekatan kerohanian di samping rawatan ilmiah perubatan dan kesihatan yang konvensional.

Sebaliknya mereka tambah Yang Berhormat telah mempersiapkan diri untuk tetap berakal sihat dengan berkat membaca dan melazimi bacaan Al-Quran, tambahan pula sambil berusaha memahami makna dan dengan akal yang sihat dapat memetik pengajaran atau ibrah untuk tidak sahaja berakal sihat bahkan memelihara diri dengan mengamalkan gaya hidup yang

sihat.

Terdahulu, sembah Yang Berhormat, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sangat dijunjung tinggi, seterusnya mengurniakan titah yang mengilhamkan dan seterusnya berkenan menganugerahkan hadiah-hadiah yang akan menjadi ristaan baik kepada pemenang dan peserta-peserta musabaqah dan kepada sekumpulan qari dan qariah undangan dari Malaysia iaitu sebuah keluarga contoh pencinta Al-Quran menjadi qari dan qariah yang berjaya dalam musabaqah-musabaqah tilawah di dalam dan di luar negeri.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sembah alu-aluannya.

6 PESERTA PERDENGARKAN BACAAN PADA HARI KEDUA MUSABAQAH



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah semasa berangkat ke majlis tersebut.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Rabu, 23 April. - Seramai enam lagi peserta terdiri daripada tiga qari dan tiga qariah memperdengarkan bacaan masing-masing pada hari kedua Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat ke majlis berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji

Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M.

Juga menjunjung keberangkatan tiba, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M; dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailara Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Penasihat Bersama

Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M.

Turut menjunjung, Menteri Kesihatan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pengendali Bersama Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof selaku Pengendali Bersama Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatiha beramai-ramai yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Al-Quran daripada peserta pertama, iaitu Awang Abdul Qawiyyel Azeez bin Haji Abd. Rajid yang memperdengarkan bacaan Surah Saba' ayat 43 hingga 54 dengan lagu Hijaz dan Sikah. Manakala ibrahnya disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin diikuti dengan Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat dengan bacaan Surah Fathir ayat 1 hingga 9 dengan lagu Nahawand dan Rast, dan ibrahnya disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Siti Hanisah binti Haji Othman.

Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Diikuti dengan bacaan Al-Quran daripada peserta kedua, Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat dengan memperdengarkan bacaan Surah Fathir mulai ayat 1 hingga 9 dengan lagu Nahawand dan Rast, dan ibrahnya pula disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Siti Hanisah binti Haji Othman.

Sementara itu, peserta ketiga, iaitu Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili pula memperdengarkan bacaan Surah Fathir ayat 10 hingga 14 dengan lagu Nahawand dan Jiharkah, manakala ibrahnya disampaikan oleh Setiausaha Pertama di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN), Awang Haji Abdul Rashid bin Awang Damit.

Majlis diteruskan dengan persembahan Selawat Nuril Anwar oleh gabungan qari-qari Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M, pegawai dan kakitangan KHELN, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); dan Brunei Shell Marketing Company Sendirian Berhad (BSM).

Musabaqah diteruskan lagi dengan bacaan Al-Quran daripada peserta keempat, iaitu Dayang Nur Rodaah binti Haji Asmat, Surah Fathir ayat 15 hingga 28 dengan lagu Rast dan Sikah, dan ibrahnya disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Pengiran Norizzati binti Pengiran Haji Kasharan.

Manakala, Awang Haji Hazwan bin Haji Salim seterusnya memperdengarkan bacaan Surah Fathir, ayat 29 hingga 37 dengan

lagu Nahawand dan Sikah, sementara ibrahnya pula disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Peserta terakhir, Dayangku Amal Zahrah binti Pengiran Haji Jofri kemudiannya memperdengarkan bacaan Surah Fathir ayat 38 hingga 45 dengan lagu Hijaz dan Jiharkah, manakala ibrahnya disampaikan oleh Pegawai Pembangunan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Masyarakat, KKBS, Dayang Irnawati binti Haji Mahir.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian berangkat meninggalkan majlis setelah selesai bacaan enam peserta bagi hari kedua musabaqah.

Majlis Musabaqah akan disambung pada hari ketiga dengan Majlis Pengumuman Keputusan bagi menentukan johan qari dan qariah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M yang akan diadakan pada 26 Syawal 1446 bersamaan 24 April 2025 di tempat yang sama, bermula jam 7.15 malam.

Tema Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M ialah 'Akal Sihat Dengan Al-Quran'.

Bagi memeriahkan lagi musabaqah kali ini, pameran dan jualan buku-buku juga diadakan yang disertai oleh agensi-agensi kerajaan dan Institusi Pengajian Tinggi, iaitu Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Penerangan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), KUPU SB dan PDI.

Musabaqah tahun ini dikendalikan bersama oleh KHEU; KHELN; KKBS; dan BSM.



DARI kiri...Awang Abdul Qawiyyel Azeez bin Haji Abd. Rajid, memperdengarkan bacaan Surah Saba' ayat 43 hingga 54 dengan lagu Hijaz dan Sikah, manakala ibrahnya disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin diikuti dengan Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat dengan bacaan Surah Fathir ayat 1 hingga 9 dengan lagu Nahawand dan Rast, dan ibrahnya disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Siti Hanisah binti Haji Othman.



DARI kiri...Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili memperdengarkan bacaan Surah Fathir ayat 10 hingga 14 dengan lagu Nahawand dan Jiharkah, manakala ibrahnya disampaikan oleh Setiausaha Pertama di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN), Awang Haji Abdul Rashid bin Awang Damit. Diikuti oleh Dayang Nur Rodaah binti Haji Asmat, dengan bacaan Surah Fathir ayat 15 hingga 28 dengan lagu Rast dan Sikah, dan ibrahnya disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Pengiran Norizzati binti Pengiran Haji Kasharan.



DARI kiri...bacaan oleh Awang Haji Hazwan bin Haji Salim menerusi Surah Fathir, ayat 29 hingga 37 dengan lagu Nahawand dan Sikah, sementara ibrahnya disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi, dan peserta terakhir, Dayangku Amal Zahrah binti Pengiran Haji Jofri memperdengarkan bacaan Surah Fathir ayat 38 hingga 45 dengan lagu Hijaz dan Jiharkah, manakala ibrahnya disampaikan oleh Pegawai Pembangunan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Masyarakat, KKBS, Dayang Irnawati binti Haji Mahir.

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENGURNIAKAN NAMA CUCUNDA BAGINDA



Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, menjunjung titah perintah
Rabu, 23 April. - Pada Kebawah Duli Yang Maha Mulia

YANG Amat Mulia Pengiran Anak Nabeelah Najmul Bolqiah (بنت نجل البليغة) binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam dengan ini memaklumkan bahwasanya :

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan amat suka cita telah mengurniakan nama kepada cucunda baginda iaitu anakanda kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah dengan nama :

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Nabeelah Najmul Bolqiah (بنت نجل البليغة) binti Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda seterusnya dengan suka cita mengurniakan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat semasa meluaran tersebut dan juga kepada semua yang menyembahkan perutusan tahniah dan ucapan selamat berikutan dengan meluaran cucunda baginda itu pada Rabu, 10 Syawal 1446 bersamaan 9 April 2025, jam 6.54 pagi.

Suntik semangat cintai, dampingi Al-Quran

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Jumaat, 25 April. - Bagi menyuntik semangat kaum keluarga di negara ini untuk melazimkan diri bersama-sama membaca dan mencintai Al-Quran dengan berterusan dan sebagai contoh kepada masyarakat di negara ini, pagi tadi diadakan Program Pencinta Al-Quran Sempena Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Ma'had Islam Brunei, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Penggerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H/2025M dan isteri.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji

Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika hadir pada Program Pencinta Al-Quran (kanan) manakala gambar bawah kiri, bacaan ayat suci Al-Quran dari Qari Jemputan dari Malaysia bersama keluarga.

Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, dan Datin.

Program Pencinta Al-Quran diisikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Qari Jemputan dari Malaysia iaitu Penerima Anugerah Ikon Keluarga Al-Quran Keedsflix Tahun 2023 dan Johan Qari Pertandingan Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuwait Tahun 2018, Haji Azraie bin Dato' Haji Abdul Hak, bersama keluarga.

Terdahulu program dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid (SkiPPA), Masjid Kampung Danau, Daerah Tutong, Awang Mohammad Adilah bin Suimi.

Kemudian, majlis diikuti dengan Bual Bicara bersama Qari Jemputan dari Malaysia, Haji Azraie bin Dato' Haji Abdul Hak berserta keluarga.

Program tersebut diungkayahkan antara lain juga adalah untuk melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas pencinta Al-Quran, di samping untuk mengembangkan syiar dan dakwah Islam di negara



ini.

Persembahan Qari Jemputan berserta keluarga dihasrat akan menyuntik semangat orang ramai khususnya para hadirin program berkenaan dan menjadi tauladan bagi mengasuh serta mendidik ahli-ahli keluarga terutama anak-anak agar sentiasa mencintai dan berdampingi dengan Al-Quran.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri; Setiausaha Tetap Kementerian Hal

Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Misle bin Haji Abdul Karim; dan Yang Mulia Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, serta Ketua-ketua Jabatan dan para pegawai kanan KHEU.



PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU



suruhanjaya
perkhidmatan awam
jabatan perdana menteri | brunei darussalam
www.recruitment.gov.bn | www.spa.gov.bn



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Usaha > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

SENARAI
TIDAK DIPERAKUAN




DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemasuki pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemasuki ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.



⚠ Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah **lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak mpenati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.



PUP-UP PINGGALAN SEBELUM MENGHADAPKAN PERMOHONAN

LAWATAN RASMI TINJAU LEBIH DEKAT SISTEM PENDIDIKAN UGAMA NBD



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika menerima lawatan rasmi daripada rombongan Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Malaysia yang diketuai oleh Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor, Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Nooh bin Gadot (atas dan kanan).



**NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM**

Hari itu dia ikut tanpa memakai tali pinggang keledar, tidak menyedari itu kali terakhir.

Lelaki, 6 tahun

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya

@mkkjrbrunei www.mkkjr.gov.bn

BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERaan AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 April. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Negara Brunei Darussalam hari ini menerima lawatan rasmi daripada rombongan Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Malaysia yang diketuai oleh Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor, Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Nooh bin Gadot.

Lawatan bertujuan untuk mendapatkan pandangan serta pemahaman yang lebih meluas mengenai Sistem Pendidikan Ugama di Negara Brunei Darussalam (NBD) termasuk pelaksanaan Perintah Pendidikan Ugama Wajib.

Di samping itu, untuk memperkuatkannya lagi jalinan kerjasama dan persahabatan antara kedua-dua belah pihak.

Sehubungan dengan itu, bagi meraikan kunjungan daripada rombongan Jabatan Agama Islam Negeri Johor, majlis makan tengah hari diadakan di Tarindak D'Seni, Bandar Seri Begawan yang dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Penghar Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir ialah Pesuruhjaya

Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini Atan.

Terdahulu, Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Nooh dan rombongan pagi tadi mengadakan Kunjungan Hormat kepada Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim bertempat di Dewan Multaqa, KHEU, Jalan Dewan Majlis.

Turut hadir ialah Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Misle bin Haji Abdul Karim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Kunjungan hormat tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli.

Diikuti ucapan balas daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Nooh dan seterusnya, rombongan diberikan taklimat mengenai KHEU daripada Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, dan tayangan video Perkembangan Sistem Pendidikan Ugama di NBD daripada Jabatan

Pengajian Islam.

Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Nooh serta rombongan berada di Negara Brunei Darussalam selama tiga hari mulai 22 hingga 24 April 2025.

Semasa berada di negara ini, rombongan berkesempatan melawat ke Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, Tutong; Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok; dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Tutong.

Sepanjang lawatan, delegasi dari Negeri Johor tersebut mendengar taklimat, seterusnya berbincang serta bertukar-tukar pandangan, dan kemudian melawat ke beberapa buah kelas bagi meninjau sesi pengajaran dan pembelajaran Tahun IV serta Pendidikan Khas Ugama.

Kerjasama dalam bidang pendidikan ugama antara NBD dan Negeri Johor telah terjalin sejak pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dengan mendatangkan dua orang pegawai ugama dari Negeri Johor bertujuan untuk melaksanakan kajian terhadap pendidikan ugama yang dilaksanakan di sekolah-sekolah kerajaan ketika itu.



BAGI meraikan kunjungan daripada rombongan Jabatan Agama Islam Negeri Johor, majlis makan tengah hari diadakan di Tarindak D'Seni, Bandar Seri Begawan.

Gema Syawal BIBD raikan hampir 4,000 tetamu

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir bagi sama-sama memeriahkan majlis berkenaan.

JERUDONG, Rabu, 23 April. - Perhimpunan tahunan Gema Syawal BIBD menghimpunkan hampir 4,000 tetamu di The Empire Brunei, sebagai penghargaan pihak bank terhadap rakyat dan perkongsian berterusan yang membentuk kejayaannya.

Diadakan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri, acara itu menjadi peluang bermakna untuk berhubung semula dan mengucapkan terima kasih kepada pihak berkepentingan BIBD yang dihargai, termasuk pegawai kanan kerajaan, wakil diplomatik, pelanggan setia dan rakan kongsi perniagaan dari pelbagai sektor.

Hadir bagi sama-sama

PENGARAH Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri (dua dari kanan) bersama para tetamu yang hadir.



Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar serta Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Duta-duta, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, dan wakil kanan dari kedua-dua sektor awam dan swasta turut hadir.

Acara itu juga mengalukan pemimpin syarikat besar serta usahawan tempatan dan pemilik

perniagaan kecil, mencerminkan komitmen berterusan BIBD untuk menyokong perniagaan daripada semua peringkat dan menjadi rakan kongsi dalam perjalanan pertumbuhan mereka.

Dihoskan oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri, bersama-sama ahli pengurusan kanan dan kakitangan bank, sambutan itu turut dihadiri



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

كمترنن كمسختن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH



*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

KADAR LIPUTAN IMUNISASI NBD MELEBIHI 95 PERATUS



MINGGU Imunisasi Sedunia disambut untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan vaksin dalam melindungi individu dan komuniti daripada penyakit berjangkit yang boleh dicegah.

>> Muka 1

Yang Berhormat seterusnya berkata sepanjang 50 tahun yang lalu, vaksin telah menyelamatkan sekurang-kurangnya 154 juta nyawa. Ini bersamaan dengan

enam nyawa seminit, setiap hari, selama lima dekad.

Dalam tempoh 50 tahun ini tambah Yang Berhormat lagi, imunisasi telah menyumbang kepada 40 peratus peningkatan dalam kadar kelangsungan hidup

anak damit (*infant survival rate*).

"Masa depan imunisasi bukan sahaja melibatkan jutaan kanak-kanak yang belum menerima walaupun satu suntikan, tetapi juga berperanan untuk melindungi keluarga dan masyarakat.

Vaksin untuk seseorang juga dapat memastikan orang lain akan dilindungi daripada penyakit yang boleh dicegah melalui vaksin, seperti penyakit Influenza, Tetanus, jangkitan Pneumokokus dan jangkitan HPV (*human papilloma virus*) atau virus papilloma manusia.

Alhamdulillah, di NBD, kita sangat beruntung kerana semua rakyat dan penduduk di negara ini dapat menerima perkhidmatan vaksin daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga mengongsikan, Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan

NBD pada masa ini merangkumi 12 jenis vaksin untuk penyakit yang boleh dicegah melalui vaksin.

Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan NBD jelas Yang Berhormat, telah mencapai dan mengekalkan kadar liputan imunisasi di tahap yang melebihi 95 peratus liputan setiap tahun.

Pengenalan vaksin Pertussis bagi ibu mengandung pada November 2024 dan pengenalan Vaksin Konjugat Pneumokokal (PCV) untuk anak damit dalam Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan pada Februari 2025 kata Yang Berhormat,

menyerlahkan komitmen kerajaan NBD dalam memastikan kesihatan dan kesejahteraan yang baik bagi penduduk negara ini.

Pencapaian Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan jelas Yang Berhormat, juga telah berjaya menjadikan NBD sebagai salah satu negara yang diisytiharkan bebas daripada penyakit Polio, Measles dan Rubella, sejak dua dekad lalu.

YANG Berhormat Menteri Kesihatan juga turut hadir bagi sama-sama memeriahkan lagi Gema Syawal.

oleh Ahli Lembaga Pengarah BIBD dan Badan Penasihat Syariah.

Kehadiran mereka menekankan dedikasi kolektif BIBD untuk memupuk hubungan yang kukuh dan berdasarkan kepercayaan merentas semua peringkat penglibatan. Sebagai sebuah bank yang Berjiwa Brunei, Gema Syawal mencerminkan nilai komuniti, inklusif dan kemajuan bersama BIBD, sejajar dengan komitmennya dalam berhubung secara bermakna dengan komuniti yang dilayaniinya.

Acara itu juga merupakan sebahagian daripada usaha BIBD yang lebih luas untuk melibatkan pihak berkepentingan secara bermakna, membina perkongsian yang berkekalan, dan menyumbang kepada pembangunan keseluruhan Brunei.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

Walau bagaimanapun tambah Yang Berhormat, NBD tidak terkecuali daripada ancaman kesihatan global yang berterusan dan semakin meningkat, seperti yang sedang berlaku di negara-negara lain pada masa ini, seperti Polio dan Campak (Measles), yang telah menunjukkan peningkatan mendadak dalam wabak, akibat gangguan terhadap program imunisasi dan penurunan kadar liputan imunisasi di sesetengah kawasan di seluruh dunia.

"Oleh itu, kita tidak boleh terlalu selesa dengan pencapaian imunisasi kebangsaan negara kerana ini boleh membawa kepada kerentanan.

Di kesempatan ini, sempena Minggu Imunisasi Sedunia 2025, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan penduduk di negara ini mengenai kepentingan vaksin dalam melindungi nyawa, bukan sahaja untuk seseorang individu tetapi juga untuk semua orang di sekeliling.

Tema bagi Minggu Imunisasi Sedunia 2025 menekankan lagi bahawa 'Imunisasi untuk Semua Mampu Dicapai Dengan Ikhtiar Manusia,' ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.

BIBD RAIKAN AIDILFITRI BERSAMA PESERTA BIBD ALAF, BIBD SEED

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN.
Jumaat, 25 April. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) hari ini telah menganjurkan majlis sambutan Hari Raya yang menggabungkan tradisi, pendidikan dan semangat kemasyarakatan bagi menghidupkan semangat Hari Raya Aidilfitri untuk para peserta Program Galakan Pembelajaran Sepanjang Hayat BIBD (BIBD ALAF) bersama keluarga mereka dan juga peserta Program Skim Pembangunan dan Pemberdayaan Keusahawanan Khas (BIBD SEED).

Majlis diadakan di Dewan Munawarah, Setia Point, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengurus Lembaga Pengaruh BIBD.

Majlis dimulakan dengan penyampaian sijil tamat pengajian kepada 10 peserta kohort keenam program BIBD SEED.

Program tersebut bertujuan untuk memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan wanita yang kurang berkemampuan serta memperkuuh ketahanan ekonomi mereka.

Sebagai tanda penghargaan atas kejayaan mereka menamatkan program tersebut, tetamu kehormat telah menyampaikan geran kepada para penerima bagi menyokong

fasa seterusnya dalam usaha perniagaan mereka.

Sejak diperkenalkan pada Ogos 2020, program BIBD SEED yang telah memenangi pelbagai anugerah ini telah menjadi satu kuasa transformatif dengan melengkapkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan yang penting bagi menyumbang secara bermakna kepada ekonomi Brunei yang semakin berkembang.

Pada tahun 2024, sebagai sebahagian daripada pengambilan kohort keenam, seramai 11 peserta baharu daripada pelbagai agensi termasuk Jabatan Pembangunan Masyarakat di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Rakan Seliaan di bawah Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Usahawan Bakarir Yayasan di bawah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; dan orang awam yang telah menyertai program berkenaan.

Para peserta telah melalui proses pemilihan yang ketat, termasuk sesi temu duga dan pembentangan produk, sebelum mengikuti Bootcamp intensif selama lima hari sebagai fasa pertama daripada program selama enam bulan.

Majlis kemudian diteruskan dengan acara 'BIBD ALAF Star Awards', di mana seramai 52 pelajar BIBD ALAF telah menerima penghargaan atas kecemerlangan akademik dan keputusan cemerlang mereka bagi tahun akademik 2024.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat di majlis sambutan Hari Raya anjuran BIBD untuk para peserta Program Galakan Pembelajaran Sepanjang Hayat BIBD (BIBD ALAF) dan peserta Program Skim Pembangunan dan Pemberdayaan Keusahawanan Khas (BIBD SEED).

Pelajar-pelajar BIBD ALAF mengkekalkan kadar kelulusan 100 peratus dalam peperiksaan BC GCE 'A' Level, dengan kebanyakan pelajar mencapai tiga gred 'A'.

Sementara itu, dalam peperiksaan GCE 'O' Level dan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB), pelajar-pelajar BIBD ALAF juga terus menunjukkan prestasi cemerlang.

Pencapaian yang diraih menekankan usaha berterusan BIBD dalam menyokong pembangunan pendidikan dan memperkasa belia Brunei.

Sejak dilancarkan pada tahun 2013, program BIBD ALAF telah menyediakan bantuan kewangan, bimbingan, dan sokongan menyeluruh kepada lebih

330 pelajar yang kurang berkemampuan, membantu mereka mencapai matlamat akademik dan membina masa depan yang lebih cerah.

Program juga selaras dengan komitmen BIBD dalam menegakkan Maqasid al-Shariah, menyokong Wawasan Brunei 2035, dan menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, khususnya Matlamat 1 (Tiada Kemiskinan) dan Matlamat 4 (Pendidikan Berkualiti).

Sehingga kini, tujuh daripada peserta BIBD ALAF telah bekerja di pelbagai agensi.

Majlis tahunan Hari Raya ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan BIBD dengan

masyarakat, tetapi juga menyerlahkan komitmennya dalam memperkasa generasi akan datang melalui pendidikan dan keusahawanan. BIBD ALAF terus menjadi simbol harapan dan peluang bagi keluarga di seluruh Brunei, mencerminkan peranan BIBD sebagai rakan utama dalam pembangunan negara dan pemberdayaan masyarakat.

Juga hadir, Ahli-ahli Lembaga Pengaruh BIBD, Badan Penasihat Syariah BIBD, pegawai kanan kerajaan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan, pihak pengurusan kanan BIBD, ahli Pasukan Petugas BIBD ALAF, serta pihak-pihak berkepentingan yang lain.

Memperkuuh kedayaatahanan rakyat bagi menghadapi pelbagai cabaran

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

KUCHING, SARAWAK. Jumaat, 25 April. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Menteri Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) bagi Negara Brunei Darussalam, telah menghadiri Mesyuarat Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN Ke-33 (33rd ASCC Council Meeting) yang diadakan baru-baru ini di Kuching, Sarawak, Malaysia.

Mesyuarat berkenaan telah dipengerusikan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Yang Berhormat Dato Sri Tiong King Sing sebagai Pengurus ASCC 2025, di bawah tema ASEAN secara menyeluruh, iaitu 'Keterangkuman dan Kemapanan (Inclusivity and Sustainability)'.

Dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan antaranya menekankan keperluan bagi

ASEAN untuk memperkuuhkan kedayaatahanannya, terutama kedayaatahanan rakyat, dalam mengambil kira ASEAN terus menghadapi pelbagai cabaran yang bersaling kaitan dan risiko-risiko baharu, terutama bagi ekonomi-ekonomi yang terdedah.

Dalam perkara ini, Yang Berhormat mengalu-alukan kemuktamadan Pelan Strategik ASCC, dan menyarankan agar menumpukan kepada Strategic Measures yang paling berkesan terlebih dahulu, bagi membolehkan penggunaan sumber yang lebih berkesan, termasuk penglibatan pihak berkepentingan yang lebih berdedikasi.

Yang Berhormat juga mengongsikan pandangan mengenai pengukuhan rentas-sektor dan rentas-tunggak, dan kerjasama daripada rakan kongsi ASCC, untuk menyumbang kepada pelaksanaan Pelan Strategik ASCC yang berkesan.

Menyeri-Menteri ASCC telah mengesahkan Pelan Strategik ASCC, dan mengambil maklum bahawa dokumen berkenaan akan dihadapkan kepada High-Level Task Force on ASEAN Community's Post-2025, untuk dihadapkan kepada Ketua-ketua Negara/Kerajaan ASEAN.

Para Menteri juga membincangkan mengenai pembangunan ASCC Post-2025 Results Framework, yang akan membentuk pelaksanaan yang lebih bermakna bagi Pelan Strategik ASCC.

Para Menteri ASCC juga bertukar-tukar pandangan mengenai hala tuju strategik ASCC dan menggalakkan Badan-Badan Sektoral ASCC untuk mempercepatkan pelaksanaan Work Plan masing-masing.

Para Menteri ASCC juga mengambil maklum perkembangan ASCC Outcome Documents yang akan dihadapkan kepada Ketua-ketua Negara/Kerajaan ASEAN bagi pengesahan dan makluman semasa Sidang

Kemuncak ASEAN Ke-46 yang akan diadakan pada bulan Mei 2025, iaitu (i) ASEAN Creative Economy Sustainability Framework, (ii) ASEAN Declaration on Drug Security and Self-Reliance, dan (iii) Checklist on Fair Recruitment and Decent Employment for Migrant Workers.

Para Menteri ASCC juga telah mengadakan perjumpaan bersama Premier Sarawak, Yang Amat Berhormat Dato Seri Setia Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg semasa mesyuarat berkenaan.

Mesyuarat Majlis ASCC Ke-33, telah didahului oleh 11th Ad-Hoc Working Group to Develop the ASCC Strategic Plan and Mesyuarat Ke-38 Senior Officials' Committee for ASEAN Socio-Cultural Community (SOCA) yang telah diadakan pada 21 hingga 23 April 2025.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari selaku Ketua SOCA Negara Brunei Darussalam dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



YANG Berhormat Menteri KKBS selaku Menteri Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) bagi Negara Brunei Darussalam, hadir di Mesyuarat Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN Ke-33.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari selaku Ketua SOCA Negara Brunei Darussalam dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

PELUANG TEROKAI KEINDAHAN SEMULA JADI, WARISAN BUDAYA UNIK NBD



YANG BERHORMAT Menteri Pembangunan, selaku Pengurusi Lembaga Pengarah Syarikat Penerbangan Diraja Brunei semasa berucap pada majlis tersebut.

Yang Berhormat seterusnya berkata lebih penting lagi, ia merupakan peluang untuk mengukuhkan hubungan antara rakyat NBD dan Republik Rakyat China.

Pada awal tahun ini jelas Yang Berhormat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah berkenan berangkat mengadakan Lawatan Negara ke Republik Rakyat China, di mana baginda telah bertemu dengan Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping.

Dalam lawatan berkenaan tambah Yang Berhormat, baginda menegaskan semula hubungan jangka panjang antara NBD dan Republik Rakyat China, serta

komitmen NBD untuk terus memperkuatkan perkongsian strategik antara kedua-dua negara yang berteraskan kepercayaan, saling menghormati, dan aspirasi bersama.

"Perkongsian ini yang telah terjalin sejak 1991, telah membawa kerjasama nyata merentasi pelbagai sektor.

Penandatanganan beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) baru-baru ini serta pelaksanaan pengaturan pengecualian visa secara timbal balik menggariskan komitmen bersama untuk memperdalam kerjasama dalam bidang pelancongan, pendidikan, perniagaan, pengangkutan, kesihatan dan pertukaran budaya," ujar Yang Berhormat.

Inisiatif-inisiatif berkenaan tegas Yang Berhormat, bertujuan untuk memperkuatkan hubungan, memajukan pembangunan infrastruktur, dan meningkatkan kerjasama ekonomi yang berpotensi besar demi manfaat bersama rakyat NBD dan Republik Rakyat China.

Menurut Yang Berhormat lagi, sambungan semula laluan penerbangan terus antara Bandar Seri Begawan (BSB) dan Beijing

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

merupakan satu langkah strategik dan tepat pada masanya yang menyokong usaha RB untuk memperkuatkan rangkaianya serta memperkuatkan kedudukan NBD sebagai hab serantau yang boleh dipercayai dan terhubung dengan baik.

Yang Berhormat juga menjelaskan, Republik Rakyat China kekal sebagai pasaran utama dengan potensi yang tinggi bagi pelancongan masuk dan keluar kerana laluan baharu ini meningkatkan nilai perkhidmatan syarikat penerbangan sambil menyumbang kepada matlamat NBD yang lebih luas dalam aspek hubungan, perdagangan dan pelancongan.

"Inisiatif ini juga sejajar dengan aspirasi NBD di bawah Wawasan Brunei 2035, melengkapi usaha negara untuk menjadikan NBD sebagai destinasi menarik untuk pelaburan, pelancongan dan kerjasama dua hala.

Sebagai sebuah entiti berkaitan kerajaan yang penting, RB terus memainkan peranan utama dalam membentuk kehadiran antarabangsa NBD dan ketahanan

ekonominya," kata Yang Berhormat.

Melangkah ke hadapan, terang Yang Berhormat, syarikat penerbangan ini sedang mengambil langkah-langkah terancang untuk meningkatkan pengalaman perjalanan melalui pembaharuan armada dan pengubahsuaian pesawat sedia ada yang mencerminkan komitmen berterusan terhadap kecermerlangan perkhidmatan, kecekapan operasi dan daya saing jangka panjang.

Dengan itu, Yang Berhormat ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada RB, Kerajaan NBD, dan Kedutaan Republik Rakyat China atas kerjasama erat mereka dalam menjayakan pelancaran semula laluan ini.

Yang Berhormat juga yakin bahawa sambungan semula NBD - Beijing ini akan membuka peluang baharu dalam bidang pelancongan, perdagangan, dan hubungan antara rakyat, sekali gus mempererat ikatan persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua negara yang hebat ini.

>> Muka 1

Demikian yang dinyatakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid juga selaku Pengurusi Lembaga Pengarah RB semasa Majlis Pelancaran Kembalinya Penerbangan RB Ke Beijing yang berlangsung di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei, petang tadi.

RB sambung semula penerbangan ke Beijing



PELANCARAN Kembalinya Penerbangan RB Ke Beijing disempurnakan bersama oleh Menteri Pembangunan, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ketua Pegawai Eksekutif RB dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD.

Beijing Daxing.
Menurutnya, penerbangan akan berlepas dari Bandar Seri Begawan (BSB) pada Isnin dan Khamis, dan dari Beijing pada Selasa dan Jumaat, menggunakan pesawat Airbus A320neo RB.

Sebelum pandemik COVID-19 katanya, RB menyaksikan peningkatan ketara dalam ketibaan pelancong dari Republik Rakyat China.

"Brunei telah menerima kira-kira 104,954 warga Republik Rakyat China, dan kehadiran mereka telah menyumbang secara signifikan kepada ekonomi tempatan."

Angka-angka ini bukan sekadar statistik, tetapi mencerminkan hubungan erat dan minat bersama antara kedua-dua negara. Namun, apabila pandemik melanda, jumlah ketibaan merosot dengan ketara sebanyak 85 peratus kepada purata hanya 15,499 sehingga Oktober 2024," ujarnya.

Akibat daripada perkara tersebut jelasnya, permintaan terhadap perkhidmatan terus tidak lagi mampar, dan RB terpaksa membuat keputusan sukar untuk menggantung sementara laluan berkenaan.

Hari ini tegas Kapten Sabrin lagi, melalui usaha kerjasama, promosi

yang disasarkan, dan pembaharuan perkongsian, RB sedang berusaha untuk membina semula minat dan hubungan tersebut.

Terangnya, laluan berkenaan merupakan jambatan peluang kerana ia menghubungkan semula saluran pelancongan, perdagangan, dan potensi pelaburan antara kedua-dua negara.

"Dengan sambungan yang lancar melalui rangkaian RB, perkhidmatan ini akan menawarkan akses yang mudah bukan sahaja antara NBD dan Beijing, tetapi juga ke banyak destinasi lain dalam peta laluan RB yang semakin berkembang."

Bermula 19 Mei 2025, RB juga berbangga untuk mengumumkan bahawa perkongsian RB kod sedia ada kami dengan China Eastern Airlines akan turut merangkumi laluan BSB - Beijing," katanya lagi.

Melalui perkongsian yang semakin berkembang berkenaan tambahnya lagi, RB menjangkakan bahawa pada masa akan datang, para penumpangnya akan dapat meneroka lebih banyak bandar di seluruh Republik Rakyat China dengan mudah melalui Beijing.

Majlis turut diserikan dengan



PERSEMBAHAN kebudayaan daripada Persekutuan Wushu Brunei dan Pasukan Tarian Singa Sekolah Menengah Chung Hwa.

JERUDONG, Khamis, 24 April. - Satu Majlis Resepsi Petang telah diadakan di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei bagi meraikan kembalinya Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) ke Beijing, Republik Rakyat China.

Majlis tersebut menandakan penubuhan semula sambungan atau laluan antara dua ibu kota, iaitu Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi melancarkan acara berkenaan, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid juga selaku Pengurusi Lembaga Pengarah RB.

Juga hadir, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato

Paduka Haji Mustapha; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos selaku Timbalan Pengurusi Lembaga Pengarah RB; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Imam Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Awang Haji Mohd. Ashraf bin Haji Bujang.

Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabrin bin Haji Abdul Hamid dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan sebagai sebahagian daripada Sambutan Ulang Tahun RB yang Ke-50, mereka berbesar hati untuk mengumumkan kembalinya penerbangan kami ke Beijing, Republik Rakyat China, bermula 28 April 2025, dengan perkhidmatan dua kali seminggu yang akan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa

paparan sekilas tentang Beijing serta persembahan kebudayaan daripada Persekutuan Wushu Brunei dan Pasukan Tarian Singa Sekolah Menengah Chung Hwa (CHMS).

Laluan NBD - Beijing akan menggunakan pesawat Airbus A320neo RB yang moden dan jimat bahan api, memberikan pengalaman penerbangan yang lebih selesa dan mesra alam kepada para penumpang dengan perkhidmatan penuh di dalam pesawat oleh kru kabin RB yang telah memenangi anugerah.

Penerbangan RB akan meningkatkan hubungan untuk pengembangan korporat, pelajar, dan pelancong, sekali gus memperkuatkan lagi hubungan ekonomi antara kedua-dua negara.

Bagi memastikan kejayaan laluan berkenaan, RB akan terus bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan utama di NBD dan Republik Rakyat China termasuk lembaga pelancongan, agensi kerajaan, dan rakan pelancongan.

Para penumpang RB juga boleh meneroka bandar-bandar lain di Republik Rakyat China melalui Beijing dengan perjanjian perkongsian kod bersama China Eastern Airlines.

KOMITED MENGINSPIRASI MASYARAKAT CINTAI BUKU, SUKA MEMBACA



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ketika menyempurnakan pelancaran lima buah buku baharu terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Bagi mendukung hasrat berkenaan, DBP berinisiatif mengungkayahkan Majlis Sambutan Hari Buku Sedunia 2025 sebagai satu lagi usaha besar dan strategik jabatan untuk menginspirasi masyarakat agar mencintai buku dan suka membaca khususnya dalam kalangan kanak-kanak dan seluruh masyarakat amnya.

Usaha ini juga merupakan upaya jabatan dalam menekankan lagi tentang kepentingan membaca sebagai jambatan ilmu kepada semua kalangan masyarakat.

Sambutan Hari Buku Sedunia diungkayahkan dengan format yang berlainan pada setiap tahun.

Pada tahun ini, DBP mengadakan Majlis Sambutan Hari Buku Sedunia di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas dan seterusnya akan mengadakan Dudun DBP Sempena Hari Buku Sedunia ke Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada Sabtu, 10 Mei 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut yang kemudiannya melancarkan buku digital, buku-buku terbaru terbitan DBP, seterusnya menyampaikan sijil dan

PEMANGKU Pengarah DBP selaku Pengerusi Majlis semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Buku Sedunia 2025 (kanan) manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.



YANG Berhormat Pengangkutan dan Infokomunikasi menyampaikan cenderamata kepada penerima.

(PEKA), Brunei.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Ketua-ketua Jabatan, para penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara, rakan strategik Perpustakaan DBP serta penerbit-penerbit tempatan.



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat, bersama-sama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara serta pihak-pihak yang lain.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Menjamin Kesihatan, Kesejahteraan Ibu & Anak.' Tarikh Tutup : 30 April 2025
- 'Persiapan Menghadapi Krisis Ekonomi Global.' Tarikh Tutup : 7 Mei 2025
- 'Impak Kenaikan Kos Sara Hidup.' Tarikh Tutup : 14 Mei 2025

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaraf jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

133 REKRUT LELAKI TAMAT LATIHAN DIRAIKAN



TUTONG, Jumaat, 25 April. - Seramai 133 Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-176 telah berjaya menamatkan Latihan Asas Ketenteraan melalui Upacara Perbarisan Tamat Latihan yang berlangsung di Padang Kawad Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (IL ABDB), Penanjong Garison, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemerintah Tentera Udara Diraja

Brunei (TUDB), Kolonel (U) Haji Haszahaidi bin Haji Ahmad Daud.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Pemerintah Angkatan Tentera, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai serta anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berserta ahli-ahli keluarga para rekrut yang diraikan. Upacara dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan oleh tetamu kehormat, diikuti dengan penyampaian ucapan.

Dalam ucapannya, beliau

menekankan nilai-nilai teras ABDB, khususnya penekanan terhadap disiplin, ketabahan, serta keperluan memperkuatkukan ketahanan fizikal, mental dan kerohanian.

Beliau turut menggariskan peranan penting yang akan dimainkan oleh para rekrut dalam menjaga keamanan, kedaulatan dan keselamatan Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, beliau juga mengucapkan setinggi-tinggi



PEMERINTAH Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Kolonel (U) Haji Haszahaidi bin Haji Ahmad Daud ketika memeriksa perbarisan dan seterusnya menyampaikan anugerah kepada rekrut-rekrut terbaik (atas dan kiri) manakala gambar bawah kiri sekali dan kiri, sekitar majlis tersebut yang diadakan di Padang Kawad Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (IL ABDB), Penanjong Garison.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

tahniah dan menggalakkan mereka untuk terus mengamalkan tahap integriti dan profesionalisme yang tinggi sepanjang perkhidmatan dalam ABDB.

Sebagai penghargaan kepada prestasi cemerlang sepanjang latihan, anugerah-anugerah telah disampaikan kepada rekrut-rekrut dan jurulatih-jurulatih yang menunjukkan kecemerlangan dalam kategori masing-masing.

Rekrut Terbaik Keseluruhan disandang oleh Rekrut Mohammad Farish Amanullah bin Mohammad Sidque, Kemahiran Ketenteraan

Terbaik disandang oleh Rekrut (L) Mohammad Khairul Anizam bin Suqairi, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Latihan Senjata Ringan Terbaik disandang Rekrut Mohd. Nur Izuddin Shah bin Aman dan Latihan Jasmani Terbaik disandang oleh Rekrut Muhammad Danish Wathiq Amsyar bin Zaini.

Selain itu, Anugerah Ketua Seksyen Terbaik diberikan kepada Laskar Kanan Hamirul Hamiduddin bin Mohd Hamran, TLDB. Manakala, Platon Sarjan Terbaik disandang oleh Sarjan Muhammad Zulfauzan bin Ajis atas kepimpinan dan komitmen yang cemerlang disepanjang latihan. Upacara diakhiri dengan bacaan doa oleh Kapten Abdul Mu'iz Azizi bin Zulkifli daripada Jabatan Agama ABDB (JAMA'AT).

Upacara Perbarisan Tamat Latihan ini bukan sahaja menandakan berakhirnya latihan asas ketenteraan, tetapi turut meraikan transformasi mereka sebagai anggota tentera ABDB sepenuhnya.

Ia merupakan satu pencapaian yang membanggakan, mencerminkan dedikasi, ketekunan dan kesiapsiagaan mereka untuk berbakti kepada negara dengan penuh kehormatan, disiplin dan komitmen yang tinggi.



JKR

APAKAH YANG PERLU AWDA LAKUKAN DI RUMAH SEMASA MUSIM BANJIR?

PASTIKAN AWDA MENGIKUTI PERKEMBANGAN KEADAAN BANJIR DAN AMARAN CUACA

CABUT DAN MATIKAN PLUG PERKAKAS ELEKTRONIK APABILA RUMAH AWDA MULA DILANDA BANJIR

APABILA BEKALAN ELEKTRIK TERPUTUS ATAU AIR MULAI NAIK, MATIKAN GAS, BEKALAN ELEKTRIK DAN AIR DI RUMAH AWDA

IKAT ATAU SIMPAN BARANG LUAR DI DALAM RUANG STOR ATAU TEMPAT TERTUTUP

JANG SENTUH KABEL ELEKTRIK ATAU PLUG DI KAWASAN TERBUKA

LAPORKAN KEJADIAN BANJIR DENGAN SECEPATNYA

PINDAH DAN LETAKKAN KERETA DI KAWASAN TINGGI DAN SELAMAT

AMBIL PERHATIAN AKAN ARAS AIR BANJIR SEBELUM MENERUSKAN PERJALANAN DI JALAN YANG DIBANJIRI

PANDUAN BAGI KAWASAN-KAWASAN YANG BERISIKO BANJIR

AWASI KANAK-KANAK DAN ELAKKAN DARIPADA BERMAIN DENGAN AIR BANJIR

ABDB ADAKAN MAJLIS PENYERAHAN PROJEK TITIAN AMAL



 Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan



TIMBALAN Pemerintah ABDB selaku tetamu kehormat bergambar ramai bersama pihak-pihak yang terlibat di Majlis Penyerahan Projek Titian Amal yang bertempat di Balai Ibadah, Kampung Saba, Mukim Saba, Daerah Brunei dan Muara.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 24 April. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengadakan Majlis Penyerahan Projek Titian Amal yang memberikan tumpuan kepada pembinaan Balai Ibadah Kampung Saba sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB yang Ke-63.

Ouang Tahun ABDB yang Ke-63. Majlis tersebut berlangsung di Tapak Projek Titian Amal bertempat di Balai Ibadah, Kampung Saba, Mukim Saba, Daerah Brunei dan Muara, sekali gus menandakan sempurnanya inisiatif-inisiatif aktiviti kemasyarakatan pada tahun ini.

Majlis tersebut disempurnakan

oleh Timbalan Pemerintah ABDB,
Brigadier Jeneral (U) Dato Seri
Pahlawan Mohd. Sharif bin Dato
Paduka Haji Ibrahim selaku tetamu
kehormat

kehormat. Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin juga selaku Penghulu Mukim Lumapas; Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara; Pengarah Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan dan Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Pegawai-pegawai Kanan ABDB dan Kementerian Pertahanan, Pemangku Penghulu Mukim Saba serta syarikat-syarikat

penaja; Syarikat Adinin dan Anak-anak Sendirian Berhad; dan OSCO Sendirian Berhad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Staf Timbalan Pegawai Turus Gerakan dan Dakwah Agama, Jabatanarrah Agama ABDB (JAMA'AT), Kapten Nasryul Wafiy bin Mahdin.

Sejurus itu, Pengurus Projek Titian Amal Balai Ibadah Kampung Saba, Mejari (U) Abdul Haqim bin Haji Yahya menyampaikan taklimat komprehensif mengenai laporan kemajuan yang menggariskan pelaksanaan projek.

Timbalan Pemerintah ABDB

kemudiannya menyerahkan plak cenderahati kepada Ketua Imam Balai Ibadah Kampung Saba dan seterusnya menyampaikan tanda penghargaan kepada para penaja bagi mengiktiraf sokongan besar dan sumbangan berharga mereka dalam menjayakan projek ini.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar bersama.

Projek Titian Amal ialah inisiatif tahunan aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan sempena Hari Ulang Tahun ABDB.

Projek ini mencerminkan

dedikasi ABDB untuk mengukuhkan hubungan dengan masyarakat setempat dan mempromosikan kesejahteraan sosial melalui kesukarelawanan

Di samping itu, inisiatif ini juga diharap dapat memupuk kerjasama antara anggota ABDB,

antara anggota ABDB, agensi-agensi kerajaan, pihak-pihak berkepentingan, dan penduduk tempatan dalam membuktikan komitmen berterusan ABDB terhadap kebijakan masyarakat dan perpaduan sosial.

مقرکنلکن اقليکاسي موده الیه جابتىن قۇرغۇن

Memperkenalkan **Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
 - Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
 - Pelaksanaan Yang **Cepat** Dan **Mudah**
 - Meniurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan kasih sayang-Nya, negara kita Brunei Darussalam dapat menikmati suasana kehidupan yang aman, damai dan sejahtera.

Justeru, kita selaku rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Darussalam yang bertuah ini, wajib mensyukuri dan terus-menerus memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar nikmat keamanan, kedamaian dan kesejahteraan ini sentiasa berkekalan. Marilah kita mensyukurinya dengan memperbanyakkan zikir mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Ahzab, ayat 41-43 :

Memanteras penyeludupan tanggungjawab bersama

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Berzikirlah mengingat Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepada-Nya pada waktu pagi dan petang. Dialah yang mengurniakan rahmat kepada kamu dan malaikat-malaikat-Nya pula (berdoa memohonkan ampun bagi kamu) untuk mengeluarkan kamu daripada kegelapan-kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan Dia adalah Maha Pengasih kepada orang-orang yang beriman."

Syariat agama Islam menganjurkan kita agar saling bantu-membantu dalam memastikan kesejahteraan dan kemaslahatan manusia dalam pelbagai aspek kehidupan berdasarkan lima prinsip utama Maqasid Syariah, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Melalui prinsip ini, Islam mendorong usaha-usaha yang menyumbang kepada peningkatan ekonomi, keselamatan dan keamanan masyarakat.

Agama Islam sangat mementingkan keamanan, kesejahteraan dan keharmonian dalam hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Kita dituntut tidak berdiam diri terhadap kemungkar atau perbuatan maksiat kerana tugas amar makruf nahi mungkar diwajibkan kepada setiap insan yang mengaku beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya. Allah Subhanahu Wata'ala akan menurunkan azab jika kita bersikap berdiam diri dalam perkara mungkar seperti peringatan yang terkandung dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Daripada Hushaim Radiallahuanhu bahawa dia mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Tidaklah kemaksiatan yang dilakukan oleh suatu kaum, kemudian mereka (sebahagian daripada mereka) mampu untuk mengubahnya tetapi mereka tidak berbuat sedemikian, melaninkan Allah Subhanahu Wata'ala akan timpakan keseluruhan kaum tersebut dengan azab."

(Hadis Riwayat Abu Daud)

Sebagai rakyat dan penduduk yang cintakan negara, kita bertanggungjawab

untuk mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pemerintah, agar kesejahteraan dan keharmonian negara dapat dikekalkan. Antara agensi keselamatan kerajaan yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan untuk mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian negara ialah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang bertanggungjawab memanteras dan mencegah daripada berlakunya jenayah dan isu penyeludupan rentas sempadan di negara ini, iaitu dengan mengawal sempadan di pos-pos kawalan dan memantau kemasukan barang di negara kita melalui udara, air dan darat. Pengawalan ini bertujuan bagi memastikan bahawa barang yang dibawa masuk atau keluar dari negara ini adalah selamat dan mempunyai permit demi menjaga kemaslahatan dan kesejahteraan masyarakat terutama daripada segi aspek barang tegahan dan sekatan.

Perbuatan menyeludup bukan sahaja disebabkan untuk melarikan diri daripada membayar cukai kastam malahan juga untuk melarikan diri daripada mendapatkan permit dan kebenaran untuk membawa masuk barang-barang terkawal tersebut. Selain itu, penyeludupan bukan sahaja berlaku ke atas barang tegahan dan sekatan, akan tetapi penyeludupan juga berlaku ke atas barang-barang bersubsidi kerajaan.

Oleh yang demikian, sebagai rakyat dan penduduk negara ini, kita hendaklah sentiasa memanfaatkan pemberian subsidi kerajaan yang diberikan kerana ia bertujuan bagi membantu meringankan beban rakyat negara ini. Kita hendaklah bertanggungjawab dalam memelihara dan menjaga barang bersubsidi yang diberikan oleh pihak kerajaan seperti minyak kenderaan, beras dan seumpamanya. Ingatlah, sekiranya masalah penyeludupan ini tidak dibendung atau tidak ada kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat, maka perkara ini akan mendatangkan kesan dan impak negatif pada kemakmuran, keselamatan dan kestabilan sosioekonomi negara.

Aktiviti-aktiviti penyeludupan membawa

banyak kesan buruk dan mengakibatkan kerugian pada negara, antaranya ia mengurangkan pendapatan negara melalui kutipan hasil cukai, menggalakkan berlakunya aktiviti jenayah, memberi kesan negatif pada industri dalam negara di mana peniaga yang jujur akan membayar cukai tetapi penyeludupan dengan sewenang-wenangnya meraih keuntungan tanpa membayar sebarang cukai.

Sesungguhnya tanggungjawab untuk meningkatkan kesejahteraan negara ini tidak hanya terletak di bahu pihak berkuasa, malah merupakan amanah bersama yang harus dipikul oleh setiap lapisan masyarakat. Justeru, marilah kita berganding bahu dan bersatu tenaga dalam menunaikan tanggungjawab kita, demi mencapai kemakmuran dan kestabilan ekonomi negara, dengan membantu pihak kerajaan dalam memanteras dan memberhentikan aktiviti penyeludupan barang yang ditegah seperti minuman keras, rokok, daging yang diragu kehalalannya dan sebagainya dengan melaporkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja jika kita mempunyai sebarang maklumat tentang aktiviti penyeludupan. Sama-sama kita bekerjasama dan berganding bahu dalam mencegah aktiviti penyeludupan ini.

Akhirnya, marilah kita sentiasa hidup saling tolong-menolong dan bantu-membantu ke arah perkara yang baik dan berkebajikan. Mudah-mudahan dengan yang demikian, negara kita akan bebas daripada sebarang jenayah, kekal menjadi negara yang aman sejahtera dan sentiasa mendapat perlindungan serta rahmat yang berterusan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan tolong-menolongnya kamu dalam kebajikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah). Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat seksa-Nya."

(Surah Al-Maidah, ayat 2)

Kepentingan kepimpinan inklusif membina ASEAN berdaya tahan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat

KUCHING, SARAWAK, Khamis, 24 April. - Mesyuarat Penyelarasan Komiti Parlimen Wanita AIPA atau Coordinating Committee Meeting of Women Parliamentarians of AIPA (WAIPA) telah diadakan pada 22 hingga 24 April 2025 berlangsung di Kuching, Sarawak Malaysia.

Majlis Mesyuarat Negara (MMN) diwakili Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam; dan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Mesyuarat yang bertemakan 'Steering Innovation, Inclusivity and Diversity Through Gender - Balanced Parliaments for A

Future-Ready ASEAN' dianjurkan oleh Dewan Perwakilan Rakyat Malaysia dengan objektif bagi menyokong Mesyuarat Komiti WAIPA sewaktu Perhimpunan Agung ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) Ke-46 di Kuala Lumpur pada September 2025 nanti.

Mesyuarat telah dirasmikan oleh Premier Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg.

Turut hadir, Yang Di-Pertua Dewan Rakyat Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul, selaku Presiden AIPA.

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara ketika berucap pada Mesyuarat Penyelarasan Komiti Parlimen Wanita AIPA atau Coordinating Committee Meeting of Women Parliamentarians of AIPA (WAIPA).

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah dalam ucapannya telah menyatakan kepentingan kepimpinan yang inklusif dalam membina ASEAN yang lebih berdaya tahan dan bersedia untuk menghadapi cabaran masa depan.

Yang Berhormat juga menekankan bahawa penyertaan penuh wanita adalah keperluan strategik yang akan dapat memacu



inovasi, keterangkuman dan kemajuan yang mampan.

Selain itu, Yang Berhormat juga telah mengongsikan bahawa Negara Brunei Darussalam kini mencatat kemajuan ketara dengan wanita membentuk 56 peratus tenaga kerja negara dan 65 peratus daripadanya memegang peranan kepimpinan

dan pengurusan atasan, dan seterusnya menyatakan bahawa pencapaian berkenaan lahir daripada akses saksama kepada pendidikan berkualiti serta peluang yang berterusan.

Ahli-ahli MMN juga telah berkesempatan untuk bertukar-tukar pandangan dan amalan terbaik semasa berlangsungnya Sesi Dialog bertajuk 'Championing Collaborative Efforts on Women's Political Participation and Leadership' yang dihadiri oleh perwakilan dari Negara Ahli AIPA dan ahli panel daripada perwakilan dari Kerajaan Negeri Sarawak serta Pertubuhan Wanita Bangsa-bangsa Bersatu (UN Women).



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara ketika bergambar ramai pada mesyuarat tersebut.

Memperkasa individu berkembang maju dalam persekitaran digital



Siaran Akbar dan Foto : Pihak Berkusa Industri Teknologi Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 April. - Pihak Berkusa Industri Teknologi Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil di Dewan Seri Kerna, AITI, bagi meraikan pencapaian pekerjanya yang menyertai inisiatif Platform Pembelajaran Dalam Talian (OLP),

sebuah program pembangunan profesional yang diperkenalkan pada awal 2024.

Hadir sebagai tetamu kehormat ialah Ketua Eksekutif AITI, Awang Haji Jailani bin Haji Buntar.

Majlis dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Pengarah Urusan Mindtrex Academy Sdn. Bhd., Pengiran Khairi bin Pengiran

Metussin dan rakan latihan digital Singapura, Pengarah Institut ASCENSUS, Dayang Khiryati binti Kairi.

Kedua-dua penceramah menekankan kuasa transformatif pembelajaran digital dan memuji dedikasi dan kemajuan keseluruhan peserta AITI. Mereka juga menekankan bahawa pekerja AITI menunjukkan prestasi yang boleh dicontoh berbanding pelajar serantau.

KETUA Eksekutif AITI, Awang Haji Jailani bin Haji Buntar pada Majlis Penyampaian Sijil bagi meraikan pencapaian pekerjanya yang menyertai inisiatif Platform Pembelajaran Dalam Talian (OLP).

Acara diakhiri dengan penyampaian Sijil Penyertaan kepada seramai 27 pekerja yang berjaya menamatkan trek pembelajaran profesional masing-masing dalam bidang profesional utama seperti Sumber Manusia, Kewangan, Jualan dan Pemasaran, Analitis Data dan Operasi IT.

Sebagai mengiktiraf prestasi luar biasa, lima peserta terbaik turut diberi penghormatan atas komitmen, konsistensi dan pencapaian cemerlang mereka.

Peserta Terbaik Keseluruhan, Awang Haji Ardifyendi bin Haji Awang turut berkongsi pandangan beliau tentang perjalanan OLP.

Menggambarkan perjalanan pembelajarannya, beliau bercakap mengenai nilai pembelajaran terarah kendiri, kepentingan disiplin dalam mengimbangi kerja dan belajar, dan galakan yang diterima daripada penyelia dan rakan sekerja.

Beliau menggalakkan rakan sekerja untuk terus mencabar diri

mereka sendiri dan menyertai peluang pembelajaran masa depan, menekankan bagaimana inisiatif OLP melengkapkan pekerja dengan kemahiran yang secara langsung memberi manfaat kepada kerjaya mereka dan memberi manfaat kepada misi AITI yang lebih luas.

Dilancarkan sebagai perintis pada awal 2024, inisiatif OLP menyediakan akses kepada kursus yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, diperakui industri melalui platform terkemuka. Pada masa ini, inisiatif itu memanfaatkan Skillsoft, penyedia penyelesaian pembelajaran dalam talian yang terkenal dengan pengalaman pembelajaran yang dipacu AI yang interaktif. Program ini disampaikan dengan kerjasama Institut ASCENSUS, ahli Akademi Pembelajaran Sepanjang Hayat, Singapura.

Melalui inisiatif OLP, AITI menasarkan untuk menggalakkan budaya pembelajaran berterusan, dan melabur dalam platform pembelajaran moden dan boleh diakses, yang memperkasakan pekerja untuk berkembang maju dalam persekitaran digital yang dinamik. Kejayaan perintis mencerminkan pendekatan pemikiran ke hadapan dan komitmen AITI terhadap pembangunan profesional dan visinya untuk membina tenaga kerja sedia masa hadapan.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN SEMARAKKAN SYAWAL



MAJLIS Khatam Al-Quran di Masjid Kampung Sungai Besar dihadiri oleh Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, dan juga Penghulu Mukim Kota Batu.

Siaran Akbar dan Foto : Masjid Kampung Sungai Besar

KAMPUNG SUNGAI BESAR, Jumaat, 25 April. - Suasana Syawal terus disemarakkan dengan penuh makna menerusi Majlis Khatam Al-Quran yang dikendalikan Jemaah Tadarus Subuh Masjid Kampung Sungai Besar, walaupun bulan Syawal kini semakin berada di penghujungnya.

Majlis yang dianjurkan ini merupakan simbol kesyukuran setelah berjaya menamatkan bacaan 30 juzuk Al-Quran yang juga mencerminkan semangat ukhuwah dan keimanan yang utuh dalam kalangan masyarakat kampung.

"Kami amat bersyukur kerana dapat mengadakan Majlis Khatam Al-Quran ini dalam suasana Syawal yang masih dirayakan. Meskipun berada di hujung bulan kemenangan umat Islam,

keberkatan majlis ini menjadi wadah untuk sama-sama menzahirkan rasa syukur," ujar Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Haji Damit, yang juga Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar.

Beliau turut menyatakan keyakinannya bahawa kesatuan jemaah masjid akan terus memperkuuhkan usaha-usaha kebijakan dan keagamaan, sekali gus menyumbang kepada keharmonian serta kesejahteraan masyarakat setempat.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah secara berjemaah, disusuli dengan bacaan surah-surah lazim bermula Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas yang dipimpin oleh Awang

Abdul Rahim bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Tamim yang turut memimpin bacaan takhtim dan Doa Khatam.

Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Muhd. Hazman bin Haji Mohd. Hairul Azme, kemudian menyempurnakan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Doa Tahlii.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar.

Majlis ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Jemaah Tadarus Subuh Masjid Sungai Besar yang menasarkan untuk menghatamkan Al-Quran sekali setiap bulan, sebagai langkah berterusan dalam memakmurkan masjid dan mendekatkan masyarakat dengan Al-Quran.



JANGAN MUDAH MENYALAKAN LAMPU AMARAN BAHAYA (HAZARD LIGHTS)

Awda perlu ketahui bahawa ia hanya boleh dinyalakan dan digunakan atas sebab-sebab kecemasan

**PANDU DENGAN PERLAHAN.
KELAJUAN YANG MELEBIHI 80 KM/J
AKAN MENYEBAKAN KENDERAAN AWDA MELUNCUR**

Perkara ini akan berlaku apabila tayar kenderaan awda tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan menyebabkan kenderaan akan meluncur ke hadapan

21:49

68

BASMIDA ANJUR MAJLIS ILMU

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 April. - Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) hari ini mengadakan acara kerohanian (Majlis Ilmu) dan diselanjurkan dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertemakan 'Mengeratkan Silaturahim' dan menyambut Hari Aidilfitri dengan bersyukur, bersederhana, tidak membazir bertempat di ibu pejabat BASMIDA, Kampung Anggerek Desa.

Acara yang diungkayahkan oleh Kumpulan Dikir dan Tausyeh (Wanita) BASMIDA itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai, diikuti dengan tazkirah bertajuk 'Ibadah Puasa Enam bulan Syawal dan Puasa Sunat yang lain' disampaikan oleh penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Siti Nursini binti Haji Abd. Hashim.

Antara yang disentuh dalam ceramah tersebut ialah berkenaan puasa Ramadan, rukun puasa, syarat-syarat wajib puasa,

syarat-syarat sah puasa, perkara-perkara yang membatalkan puasa, perkara-perkara yang makruh dilakukan semasa berpuasa, perkara-perkara yang dibolehkan ketika berpuasa dan amalan-amalan sunat di bulan Syawal serta hikmah puasa enam.

Selesai tazkirah, majlis diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, diikuti dengan Selawat Asar Jumaat 80 Kali. Kemudian, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan Doa Penutup oleh Dayang Norsinah binti Haji Hidup.

Yang Dipertua BASMIDA, Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Mohd. Ali dalam ucapannya mengongsikan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri ini perlulah mengamalkan sikap kesederhanaan, mengelakkan pembaziran, tidak berbelanja lebih kemampuan yang akhirnya akan menyusahkan dan membebankan diri.



YANG Dipertua BASMIDA bergambar ramai bersama ahli-ahli yang hadir pada Majlis Ilmu dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan di ibu pejabat BASMIDA, Kampung Anggerek Desa.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 April. - Hasrat memiliki pejabat kekal bagi Koperasi Serbaguna Persatuan Buhur Kampung Jerudong Berhad (KSPB) tercapai, selepas lebih 30 tahun koperasi berkenaan ditubuhkan.

Majlis Pembukaan Rasmi Pejabat Kekal KSPB itu diadakan pagi tadi di Nombor 1, Simpang 661, Kampung Jerudong.

Perasmianya disempurnakan oleh Ketua Unit Pembangunan Koperasi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Pengiran Suridah binti Pengiran Haji Sulaiman, selaku wakil perbadanan Pendaftar-Pendaftar Koperasi,

dengan acara memotong reben serta laungan takbir.

Seramai 80 orang hadir pada majlis perasmian tersebut termasuk pegawai-pegawai dari Unit Pembangunan Koperasi dan ahli-ahli KSPB.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengurus (KSPB), Awang Haji Arifpen bin Abas, yang antara lain menjelaskan mengenai perjalanan pembangunan pejabat dan sejarah bermulanya koperasi tersebut ditubuhkan.

KSPB ditubuhkan pada 24 Jun 1994 dengan keramaian ahli ketika itu hanya 71 orang.

Kini, KSPB mempunyai keramaian ahli 411 orang dengan jumlah saham terkumpul

Pejabat kekal KSPB dirasmikan

BND252,212; dalam mengendalikan aktiviti sewa beli.

Sebelum ini KSPB menyewa satu pintu rumah kedai yang juga terletak berhampiran dengan pejabat kekal berkennaan.

KETUA UNIT PEMBANGUNAN KOPERASI, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI ketika menyempurnakan perasmian pejabat kekal KSPB yang kemudiannya diteruskan dengan sesi bergambar ramai (atas kanan dan bawah).



سورو هنجای قر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang memahukan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenal / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)



PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
mendakwa "ya" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tanda gaji / tanda gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja



PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESSIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



MKKJR ANJUR SOLAT SUNAT HAJAT, RATIB AL-ATTAS

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
 Foto : Alishahrin Haji Mumin

SERUSOP, Khamis, 24 April. - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) mengadakan Majlis Membaca Ratib Al-Attas, Solat Sunat Hajat dan Menunaikan Solat Fardu Asar Berjemaah yang diadakan di Masjid Mohammad Bolkiah, Kampung Serusop.

Hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) selaku Setiausaha MKKJR, Ahli-ahli MKKJR, serta Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), serta guru-guru dan murid-murid Sekolah Ugama PAP Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop, Brunei II A.

SEKITAR Majlis Membaca Ratib Al-Attas, Solat Sunat Hajat dan Menunaikan Solat Fardu Asar Berjemaah yang diadakan di Masjid Mohammad Bolkiah, Kampung Serusop.

Majlis dimulakan dengan bacaan Ratib Al-Attas, diikuti dengan Solat Sunat Hajat dan diteruskan dengan Solat Fardu Asar Berjemaah, yang diimamkan oleh Imam Masjid Mohammad Bolkiah, Kampung Serusop, Awang Mohamad Omar Afiq Hasyir bin Awang Haji Ismail.

Majlis ini merupakan salah satu inisiatif berterusan pihak MKKJR dalam memohon perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala agar seluruh pengguna jalan raya dilindungi daripada sebarang kemalangan serta agar Negara Brunei Darussalam akan sentiasa berada dalam keadaan aman, selamat dan diberkati.

Di kesempatan ini, pihak MKKJR menyeru kepada semua pengguna jalan raya agar sentiasa memandu



tidak melebihi had laju yang ditetapkan, tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu dan lebih berhati-hati semasa keadaan cuaca hujan. Keselamatan jalan raya merupakan tanggungjawab bersama, ia bergantung kepada kewaspadaan dan sikap berhemah setiap individu.

Pihak MKKJR juga menyarankan agar amalan

membaca doa sebelum memulakan perjalanan sentiasa diamalkan sebagai satu bentuk

ikhtiar dan tawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, demi keselamatan diri dan orang lain.

Hulur sumbangan kepada mangsa gempa bumi Myanmar



PENYERAHAN sumbangan diterima oleh Kuasa Usaha Sementara di Kedutaan Besar Republik Kesatuan Myanmar di Bandar Seri Begawan.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
 Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 April. - Haska Interior Sdn. Bhd. dengan sokongan sepenuh hati kepada rakyat Myanmar yang baru-baru ini terjejas akibat gempa bumi yang dahsyat, menyampaikan sumbangan yang diadakan pada hari ini di Kedutaan Besar Republik Kesatuan Myanmar di Bandar Seri Begawan.

Sebagai sebahagian daripada komitmen Haska Interior Sdn. Bhd. terhadap usaha kemanusiaan, sebanyak 500 helai cadar bersama bantal yang sepadan telah disumbangkan bagi membantu individu dan keluarga yang telah kehilangan tempat tinggal atau terkesan akibat tragedi yang melanda Myanmar baru-baru ini.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sumbangan tersebut, Pengurus Haska Interior Sdn. Bhd. Ziling Kok dan diterima oleh Kuasa Usaha Sementara di Kedutaan Besar Republik Kesatuan Myanmar di Bandar Seri Begawan, Khin Sandar.

Dalam masa yang mencabar ini, Haska Interior Sdn. Bhd. percaya kepada semangat kebersamaan sebagai sebuah komuniti global untuk memberikan sokongan dan keprihatinan kepada mereka yang memerlukan dan berharap sumbangan kecil seumpamanya dapat memberikan sedikit kelegaan dan rasa selesa kepada mereka yang sedang melalui kesusahan.



IHP Mac 2025 menurun 0.5 peratus

Siaran Akbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 April. - Indeks Harga Pengguna (IHP) pada bulan Mac 2025 menunjukkan penurunan sebanyak 0.5 peratus berbanding bulan Mac 2024, didorong oleh penurunan sebanyak 0.6 peratus bagi indeks Makanan dan Minuman Ringan; dan sebanyak 0.5 peratus bagi

indeks Bukan Makanan. Menurut siaran akbar Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, penurunan bagi indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan harga daging (4.1 peratus), khususnya

harga daging ayam, berikutan dengan pelaksanaan penetapan harga maksimum bermusim. Penurunan harga Ikan dan Makanan Laut (3.0 peratus) adalah disebabkan oleh penurunan harga ikan segar daripada negara-negara pembekal.

Sementara itu, penurunan bagi indeks Bukan Makanan adalah didorong oleh penurunan harga Pengangkutan khususnya kenderaan bermotor dan tiket penerangan; dan harga Rekreasi dan Kebudayaan terutamanya disumbangkan oleh paket percutian.

Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP Mac 2025 menunjukkan penurunan sebanyak 0.5 peratus daripada Februari 2025.

Ini adalah didorong oleh penurunan sebanyak 0.6 peratus bagi indeks Bukan Makanan, manakala, indeks Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus.

Penurunan bagi indeks Bukan Makanan adalah terutamanya didorong oleh penurunan harga Pakaian dan Kasut (8.4 peratus); dan Pengangkutan (0.4 peratus).

Manakala, peningkatan bagi indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh Sayur-sayuran (3.8 peratus); dan Buah-Buahan (1.3 peratus).

IHP mengukur perubahan harga bakul barang dan perkhidmatan tetap yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Mac 2025 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.


Laman sesawang: deps.mofe.gov.bn
 E-mel: info.statistics@pes.gov.bn
 Instagram: [@statistics_jpes](https://www.instagram.com/@statistics_jpes)



جایتن فرانچن ایکونومی دان ستاتیسٹیک
 JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
 KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
 BRUNEI DARUSSALAM

INDEKS HARGA PENGGUNA

MAC 2025



KTB : TONJOL BAKAT BELIA DARI SEGI KREATIVITI, KEUSAHAWANAN, KEPIMPINAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Temburong

TEMBURONG, Khamis, 24 April. - Belia memainkan peranan yang sangat penting dan aset yang amat berharga kepada negara memandangkan mereka adalah generasi yang akan menjadi pewaris kepimpinan dan merupakan tonggak kekuatan masa depan negara.

Pembangunan belia yang berkualiti dan matang adalah komponen yang sangat penting bagi pembentukan seorang belia yang berwawasan.

Sehubungan itu, program pertama 'Ke Temburong Bisai' (KTB) bagi Tahun 2025 memfokuskan kepada penglibatan

para belia di negara ini dengan program-program yang menjurus kepada aktiviti-aktiviti yang dapat menarik perhatian dan minat para belia khususnya di Daerah Temburong dan di negara ini amnya.

Penganjur utama bagi program tersebut adalah daripada Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Temburong, Persatuan-persatuan Belia seluruh negara dan Malam Minggu Pusat Belia (MMPB) dengan sokongan Jabatan Daerah Temburong, Pejabat Hal Ehwal Ugama Temburong dan Jabatan Belia dan Sukan Cawangan

Temburong.

Antara objektif ia diadakan kali ini adalah untuk menarik minat para belia di Daerah Temburong dan di negara ini amnya untuk terlibat dalam pengendalian aktiviti-aktiviti yang bermanfaat melalui Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta persatuan-persatuan belia di seluruh negara.

Di samping itu, ia juga diharapkan dapat menyediakan platform bagi para belia terutama sekali semasa program *sharing time* untuk mengongsikan isu-isu yang dihadapi oleh para belia sekali gus dapat bertukar-tukar pandangan dan pendapat mengenai isu-isu yang dibentangkan terutama sekali yang berkaitan dengan kesihatan mental dalam kalangan belia-belia.

Selain itu, para belia dapat menonjolkan bakat masing-masing daripada segi kreativiti, keusahawanan, kepimpinan dan lain-lain.

Program akan berlangsung selama empat hari bermula pada Khamis hingga Ahad, 1 hingga 5 Mei 2025, bermula jam 8.00 pagi bertempat di sekitar Pekan Bangar.



■ 1-4 MEI ATURCARA



JUALAN KTB

8 PAGI | KAWASAN PEJALAN KAKI,
PEKAN BANGAR



5 kesalahan dicatatkan semasa Operasi Waspada

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 April. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Waspada 78/2025 di Kampung Kilanas pada 21 April 2025, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan menjual aiskrim mendapat

sebanyak lima kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 39, gagal membayar bayaran kerja lebih masa; Bab 63, tidak memberikan cuti rehat; Bab 64, bekerja pada hari rehat; Bab 70, gagal memberikan cuti pada Hari Kelepasan Awam yang diwartakan; dan 112(2) kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing, pekerja asing didapati melakukan pekerjaan menjual aiskrim rumah

ke rumah dengan menggunakan motosikal.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan.

Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti memberikan kontrak perkhidmatan secara bertulis kepada para pekerja, membayar bayaran kerja lebih masa, memberikan cuti rehat sehari dalam seminggu, memberikan cuti pada Hari Kelepasan Awam yang diwartakan dan tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh di talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

Pengemaskinian Alert List BDCB

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 April. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai pengemaskinian Alert List BDCB.

Alert List BDCB merupakan senarai entiti-entiti, iaitu syarikat dan individu yang, berdasarkan maklumat yang tersedia kepada BDCB pada masa penerbitan, mungkin atau berkemungkinan telah disalah anggap sebagai dileSENken atau diberi kebenaran atau kelulusan atau dikawal selia oleh BDCB.

Senarai tersebut adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh BDCB terhadap aktiviti-aktiviti entiti berkenaan.

BDCB juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa syarikat atau individu yang telah dimasukkan ke dalam Alert List BDCB adalah seperti berikut, iaitu Tefozepoint.

Alert List BDCB yang telah dikemaskinikan boleh didapati di laman sesawang BDCB.

BDCB ingin menasihatkan kepada orang ramai supaya hanya berurusan dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen dan seterusnya, untuk berwaspada terhadap syarikat atau individu tidak berlesen yang menjalankan atau menawarkan perkhidmatan kewangan, terutamanya yang berunsurkan skim cepat kaya dan skim piramid.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan kewangan yang memerlukan lesen daripada BDCB adalah penukaran wang, pengiriman wang dan pinjaman wang.

Orang ramai juga diingatkan bahawa perlindungan di bawah rangka kerja penyeliaan BDCB tidak dapat diberikan kepada sesiapa yang memilih untuk berurusan dengan syarikat atau individu yang tidak dilesen atau dikawal selia.

Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang BDCB di www.bdcb.gov.bn atau Instagram BDCB @centralbank.brunei untuk maklumat lanjut mengenai bahaya entiti kewangan tidak berlesen serta cara-cara mengenal pasti penipuan kewangan.

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di NBD.

BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di NBD.

Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi BDCB melalui talian +673 2380007 atau +673 8380007 atau e-mel melalui fci@bdcb.gov.bn.



OPERASI Waspada 78/2025 yang dijalankan di Kampung Kilanas pada 21 April 2025.



Tawaran:
JPH / MYCE / SH / 2543 /
2025 - 2026
Membekal Cenderahati Bagi
Acara Brunei Darussalam
Expedition and Conference on
Forest to Reef bersempena
Mid-Year Conference and
Exhibition (MYCE) 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
8 Mei 2025.
2.00 Petang.

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):**
BND10.00

Borang Tawaran:
BND5.00

Yuran Tawaran:
- BND5.00
-Tidak Dikembalikan-



**SEBUT HARGA BAGI
KERJA-KERJA MEMBEKAL,
MEMBUKA DAN MENGGANTI
BAHARU PENDINGIN HAWA
DI BANGUNAN DEWAN
BANDARAN KUALA BELAIT,
JALAN BUNGA RAYA
KUALA BELAIT**

Dibuka Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdafat Dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam

(Kelas 1 Kategori M01)

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
29 April 2025. (Selasa)



Dibukakan Kepada Kontraktor
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
IV, V & VI

Kategori:
B01 & KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
6 Mei 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
13 Mei 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOD / 1 / 2025

Nama Projek:
Pembinaan Masjid Baharu
Rancangan Perumahan Negara
Kampung Lumut Supply
And Installation Of
Dome And Windows

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:



**SEBUT HARGA BAGI
KERJA-KERJA MEMBEKAL,
MEMBUKA DAN MENGGANTI
BAHARU PENDINGIN HAWA
DI BANGUNAN DEWAN
BANDARAN KUALA BELAIT,
JALAN BUNGA RAYA
KUALA BELAIT**

Dibuka Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdafat Dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam

(Kelas 1 Kategori M01)

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
29 April 2025. (Selasa)



**Unit Teknologi Maklumat,
Divisiyen Pengurusan
Korporat,
Kementerian Pembangunan**

Notis Sebut Harga

Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 /
2025 / Q02

Invitation To Supply,
Delivery, And Testing of A3 Color
Laserjet Printer For
Ministry Of Development

**Bayaran Bagi Setiap
E-Dokumen Sebut Harga:**
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Isnin, 28 April 2025.

**Tarikh Akhir Pembelian
dan Pembayaran:**
Khamis, 8 Mei 2025.

Tarikh Tutup:
Isnin, 12 Mei 2025.
Jam sebelum 9.00 Pagi.



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 – 2026 / 03

Tajuk Tawaran:
"JKP/SH/2025-2026/03:
Penginapan Bagi Lawatan -
Lawatan Suai kenal Jabatan
Kemajuan Pelancongan dalam
tempoh satu tahun mulai
Mei 2025 hingga April 2026"

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 1 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran :
PPN / ASET / BUU /
CONTRACT / 2025 / 4 / 1

Provision Of Security Guard
Services For Law Building,
Attorney General's Chambers,
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
Selasa,
29 April 2025.



Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 07 / 25 - 26
Pembinaan Set Bagi
Rancangan "Bintang Kecil 2025"

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND5.00 (Jika perlu
dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 30 April 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Sebut Harga:
JKBD / 2024 / SH-17 (R)

**Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan / Pembekalan:**

The Supply, Delivery and
Installation of Portable Kiosk
Display For Brunei Darussalam
Meteorological Department

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 30 April 2025.
Sebelum jam 9.00 Pagi.

Kepada;

Pengerusi Jawatankuasa Sebut
Harga Jabatan Kajicuaca
Brunei Darussalam
Jabatan Kajicuaca
Brunei Darussalam
Blok B23, Flat Anggerek Desa
Simpang 32-37,
Kampung Anggerek Desa
Bandar Seri Begawan BB3713
Negara Brunei Darussalam



1. Sebut Harga:
JDB / 2.2 / PA SYSTEM
DEWAN SANTAP / B / 2025

Nama Projek:
Sebut Harga Bagi Menyewakan dan
Mengendalikan Set Pembesar
Suara (PA System) Untuk Majlis
Santap Sempena Sambutan
Perayaan Ulang Tahun
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negera Brunei Darussalam Yang
Ke-79 Bagi Tahun 2025
Peringkat Daerah Belait

2. Sebut Harga:
JDB / 2.3 / PA SYSTEM
PENTAS MALAM PERAYAAN /
C / 2025





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

1. DA / JKSH / 15 / 2025 / 2026 [BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Satu (1) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'B'] Harga Sewa Kantin: BND785.00 Sebulan

2. DA / JKSH / 16 / 2025 / 2026 [BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Sultan Hashim Daerah Temburong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin: BND86.00 Sebulan

3. DA / JKSH / 17 / 2025 / 2026 [BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Bukit Panggal Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin: BND63.00 Sebulan

4. DA / JKSH / 18 / 2025 / 2026 [BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Mentiri Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin: BND265.60 Sebulan

5. DA / JKSH / 19 / 2025 / 2026 [BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Awang Semaun Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin: BND788.80 Sebulan

6. DA / JKSH / 20 / 2025 / 2026 [BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Tanah Jambu Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin: BND169.00 Sebulan

7. DA / JKSH / 21 / 2025 / 2026 [BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Rimba I Daerah Brunei Muara

Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin: BND570.00 Sebulan

8. DA / JKSH / 22 / 2025 / 2026 [BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Pulaie Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin: BND367.00 Sebulan

9. DA / JKSH / 23 / 2025 / 2026 [BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Datu Mahawangsa, Lambak Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin: BND244.00 Sebulan

10. DA / JKSH / 24 / 2025 / 2026 [BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin: BND44.00 Sebulan

11. DA / JKSH / 25 / 2025 / 2026 [BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Tanjung Maya Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'A'] Harga Sewa Kantin: BND208.00 Sebulan

12. DA / JKSH / 26 / 2025 / 2026 [BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Pengiran Kesuma Negara, Bukit Beruang, Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin: BND351.00 Sebulan

13. DA / JKSH / 27 / 2025 / 2026 [BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Dato Pemancha Saging, Ukong Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin: BND5.00 Sebulan

14. DA / JKSH / 28 / 2025 / 2026 [BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Sinaut Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin: BND86.00 Sebulan

15. DA / JKSH / 29 / 2025 / 2026 [BPPA-APRIL-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Tumpuan Telisai Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin: BND208.00 Sebulan

16. DA / JKSH / 30 / 2025 / 2026 [BPPA-APRIL-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Putas Tingkatan Enam Meragang, Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Sewa Kantin: BND640.00 Sebulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 10 Mei 2025.
(Jam 9.00 Paggi)

JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI**1. Bilangan Tawaran:**
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 02

Tajuk Tawaran:
Repair Works To VVIP Block At Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong Negara Brunei Darussalam

2. Bilangan Tawaran:
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 03

Tajuk Tawaran:
Repair And Repainting Works At Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Rabu,
7 Mei 2025.

1. Bilangan Tawaran:
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 04

Tajuk Tawaran:
Repair and Repainting Works To Royal Dais, VVIP Grandstand (Wing A And Wing B), Medic Building And Toilet Block At Jalan Pengiran Ahmad Tutong, Negara Brunei Darussalam

2. Bilangan Tawaran:
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 05

Tajuk Tawaran:
Repair and Repainting Works To Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong

3. Bilangan Tawaran:
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 06

Tajuk Tawaran:
Supplying And Installation Of New Polycarbonate Solid Roofing Sheet Walkway At Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong

Yuran Tawaran:

BND5.00

Tarikh Tutup:

Rabu, 7 Mei 2025.

JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELENCONGAN

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 – 2026 / 01

Tajuk Tawaran:
Cultural Performance Services For Tourism Related Activities Throughout June 2025 – March 2026

Tarikh Tutup Tawaran:

Khamis, 8 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.

PERATURAN PENGIKLAMAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 8 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
(02-2025) JAPEM / 2.3 / 4 / 03

Tajuk Tawaran:
Perkhidmatan Pembekalan Rancangan Pemakanan (Barang-Barang Kering) Bagi Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) Belimbong, Subok Untuk Tempoh 24 Bulan

Bilangan Tawaran:
(01-2025) JAPEM / 2.3 / 4 / 03

Tajuk Tawaran:
Perkhidmatan Pembekalan Rancangan Pemakanan



(Barang-Barang Mentah) Bagi Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) Belimbong, Subok Untuk Tempoh 24 Bulan

Bayaran Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
6 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



T / 001 / RBPF-HQ / 2025 – INSURAN

Skim Takaful Kemalangan Diri Berkelompok Bagi Pegawai Dan Anggota Pangkat Rendah Serta Pegawai Dan Kakitangan Awam, Pasukan Polis Diraja Brunei Bagi Tempoh (3) Tahun

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa,
20 Mei 2025.



Bilangan Tawaran:
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 01

Tajuk Tawaran:
Menyediakan Perkhidmatan Pengurusan Acara (Event Management) Bagi Persembahan Khas Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Bagi Daerah Tutong

Yuran Tawaran: BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 7 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPR / (H)
2025-2026

Keterangan Tajuk Sebut Harga:
Perkhidmatan Pemotongan Rumput Tempoh 2 Tahun Bagi Zon 'H' (Ma'had Islam Brunei, Tutong Dan Pejabat Pengajian Islam Daerah Tutong) Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 1446H - 1447H / 2025M -2026M

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu, 9 Zulkaedah 1446H /
7 Mei 2025M.
Tidak lewat jam
2.00 Petang.



JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 14 / 2024

Tajuk Tawaran:
Renovation Old Post Office Building At Jalan Mckerron Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
6 Mei 2025 (Selasa)

Sebut Harga:
JDB / 2.1 / 2025 / PA SYSTEM PADANG / B / 2025

Nama Projek:

Sebut Harga Bagi Menyewakan dan Mengendalikan Set Pembesar Suara (PA System) Bagi Persembahan Khas Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Bagi Tahun 2025 Peringkat Daerah Belait

Tarikh Tutup:
Selasa, 13 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 03 / 25 - 26
– Twenty-Four (24) Months Term Contract For The Full Maintenance Of All Air-Conditioning Units Under The Responsibility Of Radio Televisyen Brunei

Bayaran Yuran (Termasuk e-dokumen):
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)



Tarikh Tutup:
Rabu, 30 April 2025.
Jam 2.00 Petang.



Jemputan Untuk Memberi Sebut Harga Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga:
JPE / LTK / BPP / 080 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Maintenance Of 10m To 15m Street Lightings For Mainroad For A Period Of Three (3) Years

Tarikh Tutup:
6 Mei 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

Harga Dokumen:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri Basement Two (B2) Jabatan Perdana Menteri, Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri,



Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:

Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan mempunyai kategori E01 dan E02 dalam kelas 3, 4 atau 5 sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Perhatian:
Sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD), seperti ROCBN, Sijil Tabung Amanah Pekerja, "TAP Employer Contribution" dan 'Certificate of Tax Compliance' (COTC) / Estimated Chargeable Income (ECI) semasa menghantar dokumen ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik



Bilangan Sebut Harga:
JKBD / 2024 / SH-17 (R)

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan / Pembekalan:
The Supply, Delivery and Installation of Portable Kiosk Display For Brunei Darussalam Meteorological Department

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
30 April 2025.
Sebelum jam 9.00 Pagi.

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam Blok B23, Flat Anggerek Desa Simpang 32-37, Kampung Anggerek Desa Bandar Seri Begawan BB3713 Negara Brunei Darussalam



MEMBANTERAS PENYELUDUPAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 26 Syawal 1446H / 25 April 2025M

جباٰن حٰل اهواٰل مسجد
JABATAN HAL EHWAH MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



APA YANG DITEKANKAN DALAM KHUTBAH?

- ▢ Keamanan dan kesejahteraan negara adalah nikmat yang wajib disyukuri dan dipelihara
- ▢ Islam menganjurkan kita untuk bekerjasama menjaga kemaslahatan masyarakat menurut prinsip Maqasid Syariah
- ▢ Amar Makruf Nahi Mungkar: Tidak boleh membiarkan maksiat dan kemungkaran seperti penyeludupan berlaku tanpa tindakan
- ▢ Penyeludupan melibatkan:



Barang kawalan seperti minyak, beras, rokok, minuman keras, dadah



Cubaan mengelak cukai, permit, dan undang-undang negara

- ▢ Kesan penyeludupan:
 - ✗ Kerugian kepada hasil negara
 - ✗ Menggalakkan jenayah
 - ✗ Merosakkan industri tempatan
- ▢ Rakyat bertanggungjawab untuk melaporkan sebarang aktiviti penyeludupan kepada pihak berkuasa

ISU UTAMA

Penyeludupan adalah salah di sisi undang-undang dan agama. Penyeludupan merosakkan keselamatan, ekonomi dan keharmonian negara

TINDAKAN KITA

Gunakan subsidi dengan amanah dan bertanggungjawab

Bersama membanteras penyeludupan demi masa depan negara

Laporkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja jika ada maklumat tentang penyeludupan



SENTIASA ISTIQAMAH MEMPELAJARI BIDANG TARANNUM AL-QURAN

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

JOHAN qari, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili.

rendah hati melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas anugerah yang tidak ternilai itu.

"Alhamdulillah, ini merupakan kali pertama saya diberi peluang dan rezeki untuk bergelar johan qari dalam musabaqah peringkat ini. Ia benar-benar menjadi satu kenangan yang bermakna," ujarnya.

Beliau turut mengongsikan persiapan yang dilakukan dalam tempoh kira-kira sebulan dengan penekanan khusus kepada penjagaan kesihatan tubuh badan dan suara bagi memastikan prestasi terbaik semasa pertandingan.

Dalam masa yang sama tambanya, beliau turut mendapatkan bimbingan daripada beberapa guru yang berkemahiran

tinggi dalam seni tarannum, bagi memperhalusi bacaan dan persebahanan.

Menurutnya lagi, antara cabaran utama yang dihadapi ialah mengurus komitmen masa, memandangkan beliau sedang melanjutkan pengajian di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), di samping memikul tugasannya di sekolah.

"Keseimbangan antara tuntutan akademik dan latihan musabaqah menjadi suatu cabaran yang besar, namun Alhamdulillah, segalanya dapat dilalui dengan baik berkat sokongan keluarga, guru, dan sahabat," ujarnya lagi.

Beliau seterusnya berharap agar kejayaan tersebut bukan sahaja menjadi titik tolak untuknya terus berjuang ke peringkat yang lebih tinggi, termasuk di peringkat antarabangsa, malah turut menjadi inspirasi kepada para belia di luar sana untuk mendalami ilmu Al-Quran dan mencintai seni bacaan tarannum.

Tambahnya, semoga ia juga menjadi asbab kepada lahirnya lebih ramai qari dan qariah yang berkualiti tinggi dari negara kita, InsyaaAllah.

Sementara itu menurut johan qariah, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki turut melahirkan rasa syukur di atas rezeki yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan, setentunya ia memang satu rezeki yang tidak disangka-sangka.

Menurutnya, persiapan musabaqah tersebut telah bermula lebih awal iaitu dari tahun lepas lagi yang mana beliau memang berguru dan sering berbincang mengenai tarannum Al-Quran bersama adik beradik sendiri.

Jelasnya, latihan tambahan diadakan bersama Dato Paduka Haji Mohammad Yusop bin Bakar, Dayang Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit dan Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman di mana mereka ini memang tidak asing lagi pernah mewakili dan mengharumkan nama negara di peringkat musabaqah Al-Quran peringkat antarabangsa.

Beliau turut mengongsikan antara yang menjadi cabaran dalam



JOHAN qariah, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki.

mempersiapkan diri dalam musabaqah adalah setentunya masa, kerana dalam memastikan latihan yang cukup, beliau juga harus mendapat rehat yang cukup dan meluangkan masa bersama keluarga termasuk bersiap sedia daripada segi mental dan fizikal contohnya bersenam sekurang-kurangnya 40 minit ke sejam dalam sehari.

"InsyaaAllah, kemenangan ini bukanlah penamat tetapi satu permulaan untuk saya terus memperbaiki dan memperdalamkan lagi ilmu Al-Quran khususnya dalam bidang tarannum. Perancangan saya selepas ini adalah untuk terus berguru kepada yang lebih arif, memperkemaskin tajwid dan tarannum," ujarnya.

Beliau berharap agar Allah Subhanahu Wata'ala terus memberinya petunjuk dan hidayah untuk terus memperbaiki bacaan dan mengamalkan segala isi kandungan Al-Quran serta terus memberi kekuatan untuk sentiasa istiqamah dalam mempelajari bidang tarannum Al-Quran.

"Keseimbangan antara tuntutan akademik dan latihan musabaqah menjadi suatu cabaran yang besar, namun Alhamdulillah, segalanya dapat dilalui dengan baik berkat sokongan keluarga, guru, dan sahabat," ujarnya lagi.

BERAKAS, Jumaat, 25 April. - Pengiktirafan sebagai johan qari merupakan satu kurniaan yang besar dan pastinya menjadi momen yang sangat menggembirakan dalam hidup.

Perkara demikian dijelaskan oleh johan qari, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili semasa ditemui pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, baru-baru ini.

Lebih daripada sekadar kejayaan peribadi, Awang Ahmad Zulwaqar menganggap kejayaan tersebut sebagai amanah dan motivasi untuk terus memperbaiki diri dalam bidang berkenaan. Terdahulu, beliau dengan penuh

Peluang meneroka pelbagai tarikan pelancongan NBD

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) baru-baru ini mengalau-alukan ketibaan MS Insignia, sebuah kapal persiaran mewah yang dikendalikan oleh Oceania Cruises sebagai sebahagian daripada jadual pelayaran di Asia Tenggara.

Ketibaan kapal persiaran ini menandakan persinggahan terkini kapal berkenaan dalam pelayaran

serantaunya dan merupakan kapal persiaran antarabangsa ketujuh yang melawat NBD pada tahun ini.

Dengan membawa seramai 548 penumpang dan 404 anak kapal, MS Insignia tiba dari Kota Kinabalu, Malaysia dan akan berlepas ke Kota Semarang, Indonesia.

Semasa lawatan singkat mereka, para penumpang berpeluang menyertai

pengembaraan menarik dan seterusnya meneroka pelbagai tarikan pelancongan di NBD.

Lawatan berkenaan termasuk ke Masjid Omar 'Ali Saifuddien yang ikonik, Muzium Alat Kebesaran Diraja serta pelayaran indah menelusuri sepanjang Sungai Brunei. Para penumpang juga berpeluang membeli-belah hasil kraf tangan tempatan dan makanan buatan tempatan di Cruise Ship Centre, sekali gus menawarkan mereka gambaran sekilas tentang warisan budaya dan seni NBD.

Para penumpang berkongsi tanggapan positif mengenai lawatan mereka ke NBD.

Glenys Arnold dari Australia menyifatkan lawatannya ke Kampong Ayer dan Muzium Alat Kebesaran Diraja sebagai satu pengalaman yang sangat bermakna.

Sementara itu, pasangan dari Florida, Michael dan Sarah, menyatakan kegembiraan apabila



menemui suasana tenang dan kebersihan yang menjadi ciri NBD.

Mereka melawat beberapa mercu tanda utama termasuk Kampung Ayer, Muzium Alat Kebesaran Diraja dan kedua-dua masjid ikonik.

Pasangan itu menyatakan bahawa NBD sebagai amat tenang dan tidak dijangka, serta menyatakan hasrat untuk kembali semula pada masa akan datang.

Ketibaan MS Insignia sekali lagi menyerlahkan tarikan yang semakin meningkat bagi NBD sebagai destinasi pelayaran yang digemari. Dengan semakin banyak

pengendali kapal persiaran menyenaraikan NBD dalam jadual pelayaran mereka, NBD sedang memperkuuh kedudukannya sebagai destinasi yang unik dan mesra pelawat di Asia Tenggara.

Pelayaran sulung kapal MS Artania yang dijadualkan pada 24 April 2025 adalah bukti jelas tarikan dari pelancong kapal persiaran yang semakin meningkat sekali gus mencerminkan komitmen NBD untuk menawarkan pengalaman yang luar biasa dan tidak dapat dilupakan untuk pelancong antarabangsa.



MS Insignia tiba di negara ini dan para pelancong berkesempatan melawat ke Muzium Alat Kebesaran Diraja (kiri dan atas kanan).

SUNTIK SEMANGAT PATRIOTISME DALAM DIRI PENUNTUT



BERAKAS, Khamis, 24 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, meneruskan lagi program Taklimat Kenegaraan khusus bagi Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)

dan Pusat Tingkatan Enam (PTE) dengan berkunjung ke Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS).

Seramai 171 penuntut 6 Bawah MSPSBS menghadiri taklimat yang diadakan di Auditorium maktab berkenaan.

Turut hadir, Guru Kanan Hal

Ehwal Pelajar (Unit Tingkatan Enam), MSPSBS, Dayang Ani Suryani binti Haji Bahe, serta para tenaga pengajar maktab berkenaan.

Program tersebut antara lain bertujuan untuk menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara di samping menyuntik semangat patriotisme dalam diri para penuntut melalui taklimat yang disampaikan.

Program juga dihasratkan bagi mendukung Matlamat Wawasan Brunei 2035 serta inisiatif dalam Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 hingga 2035.

Taklimat bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab Sebagai Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia

SEKITAR suasana ketika Taklimat Kenegaraan yang diadakan di Auditorium MSPSBS (atas kiri dan kanan).

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Ketua Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim.

Kandungan taklimat antara lain menyentuh mengenai peranan dan tanggungjawab rakyat kepada negara dan pemerintah, masyarakat serta keluarga dalam sama-sama menyumbang untuk kesejahteraan negara.



PSW anjur Sambutan Hari Raya Aidilfitri



SESI bergambar ramai di acara Sambutan Hari Raya Aidilfitri PSW, yang berlangsung di kediaman Yang Dipertua PSW di Kampung Mata-Mata.

Sambutan Hari Raya wujudkan semangat kekeluargaan, kukuhkan perpaduan

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 April. - Syawal terus disambut meskipun bakal melabuhkan tirainya dalam beberapa hari saja lagi.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Ketua-Ketua Guru Ugama Daerah Brunei dan Muara mengambil kesempatan dengan mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi guru-guru mata pelajaran Pendidikan Islam di bawah kawalan Jabatan Pengajian Islam (JPI) yang telah berlangsung di salah sebuah restoran di Jalan Telanai, hari ini.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut ialah Ketua Unit Sekolah Rendah, Bahagian Islamic Religious Knowledge (IRK), JPI, Awang Haji Saleh bin Haji Nasir.

Awang Haji Saleh menyatakan bahawa tugas seorang guru ketika ini semakin mencabar dan teknologi

makin berubah di mana pelajar semakin berbeza dan berdedah dengan pelbagai cabaran.

Tapi katanya, percayalah setiap titik peluh, setiap sabar yang seorang guru simpan dalam hati, besar ganjarannya di sisi Allah dan besar kesannya dalam hidup pelajar.

"Kami percaya selama mana guru-guru terus mengajar dengan ikhlas, selama itulah dunia ini tidak akan kekurangan insan yang berilmu dan berakhlik," ujarnya.

Terdahulu, Ketua Guru Ugama, Dayang Nourul Hidayah binti Haji Ibrahim selaku Pengurus Majlis dalam alu-aluannya berkata bahawa Majlis Ramah Mesra ini juga bagi mengenang jasa dua ketua guru ugama yang telah bersara serta lima orang pegawai dan mantan ketua guru ugama yang berpindah tempat bertugas.

Tambahnya lagi, objektif majlis antaranya untuk memberi peluang kepada semua warga IRK khususnya Unit Sekolah Rendah untuk merapatkan silaturahim sambil menikmati juadah yang terhidang. Secara tidak langsung, ini dapat mewujudkan semangat kekeluargaan dan mengukuhkan perpaduan sesama kita.

"Kesempatan ini juga memberi ruang kepada kita untuk saling bermaafan di samping mengukuhkan lagi hubungan di antara guru-guru yang sedia terjalin. Semangat ini perlu diterapkan dalam diri kita bahawa perihal pentingnya menentukan keharmonian sesebuah organisasi khususnya dalam bidang pendidikan ugama," katanya lagi.

Majlis tersebut juga diharapkan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan guru-guru dan JPI, di samping sebagai penghargaan terhadap khidmat jasa guru-guru mata pelajaran Pendidikan Islam yang bersara pada tahun ini.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

KAMPUNG MATA-MATA, Jumaat, 25 April. - Persatuan Siswazah Wanita (PSW) Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama ahlinya dan keluarga serta sahabat ahlinya di kediaman Yang Dipertua Persatuan berkenaan, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin di Kampung Mata-Mata, hari ini.

Majlis seumpama ini diadakan secara tahunan demi memupuk dan mengeratkan tali silaturahim antara ahli dan keluarga ahli persatuan serta meraih kemanfaatan dan ganjaran pahala yang berlipat ganda di bulan yang penuh rahmat ini.

Ia juga merupakan salah satu aktiviti tahunan PSW dalam usaha

persatuan untuk sama-sama menyemarakkan lagi bulan Syawal serta meraih kemanfaatan dan ganjaran pahala yang berlipat ganda pada bulan yang penuh rahmat ini dengan amalan ziarah menziarahi, kunjung-mengunjungi kaum keluarga, jiran tetangga dan sahabat handai sambil bermaaf-maafan demi mengeratkan lagi hubungan silaturahim.

PSW adalah sebuah Badan Bukan Kerajaan yang ditubuhkan pada 5 Februari 1990 yang mana sejak penubuhannya 27 tahun lalu, persatuan yang berpaksikan profesionalisme tersebut telah banyak kali mengendalikan program-program dan kegiatan-kegiatan profesional, akademik dan kemasyarakatan sesuai dengan penubuhannya.



KETUA Unit Sekolah Rendah, Bahagian Islamic Religious Knowledge (IRK), JPI, selaku tetamu khas menyampaikan penghargaan kepada salah seorang guru yang telah bersara.



Memori Di Aidilfitri

Oleh : Adi Jiwa

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

IRWAN sudah awal memohon cuti untuk menyambut bulan Syawal di desanya bersama neneknya seperti tahun lepas. Kerana bulan Syawal akan tiba dalam beberapa hari saja. Cukuplah. Bulan Syawal lebih penting kerana Irwan mahu menyerahkan dirinya sepenuhnya kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Irwan mahu membasuh segala dosanya kepada kedua orang tuanya, yang telah pergi empat tahun lepas. Kalau Siti mula bersekolah di tahun depan, tentu Irwan tidak boleh mengambil cuti panjang begini. Siti baru tiga tahun. Kasihan dia, masih kecil sudah ditinggalkan kedua orang tuanya.

"Kau perlu mencari ibu untuk Siti, Irwan. Kau tentu tidak akan sepi begini. Sepanjang bulan Ramadan aku pulang ke desaku. Syawal tinggal beberapa hari saja, kau mula bekerja sedangkan waktu itu kami masih seronok berpuasa bersama keluarga. Kau tak rindu saat-saat indah itu, Irwan? Maksudku ada sebuah keluarga yang lengkap. Aku tahu kau sunyi," ujar Budin, teman sepejabatku dan juga temanku yang paling baik. Dialah satu-satu kawanku yang tidak bimbang bila mendengar aku dan Zarrah bercerai dan Zarrah menjadi janda. Mitosnya bagi seorang perempuan, janda akan merampas suami mereka. Irwan jadi lucu dengan ketakutan mereka kepada janda seperti Zarrah. Takut mereka seperti syaitan. Mereka seperti tidak percaya kepada kekuahan cinta yang dipadukan oleh mereka sendiri sekian lama atau mungkin cinta di hati mereka selama ini sebenarnya tidak kukuh. Jadi, tepuk dada tanya selera.

"Irwan tidak fikir langsung tentang itu, Budin. Irwan bahagia dengan Irwan sekarang," jawabku sambil jemariku menekan huruf di keyboard komputer. Banyak kerja yang perlu ku bereskan sebelum bercuti lama.

"Tapi kau sunyi." "Kau mana tahu aku sunyi?" "Mata kau, pergerakan kau dan semuanya, Irwan." "Irwan ada Siti. Dia segalanya." Anak itu juga sunyi seperti neneknya.

"Kau seperti menyuntik kesunyian di dalam dirinya. Dia seakan kalah dengan terti perjalanan itu yang serupa itu. Berikan kegembiraan untuk Siti walaupun bukan untukmu," Budin mula berfalsafah.

Di bangku sekolah dulu Irwanlah yang selalu juara dalam menulis cerpen dan rencana umum. Akhirnya dia bertemu jodoh dengan cerpenis seperti juga. Kata orang, jiwa orang seni halus. Mereka tahu menghargai setiap inci kasih sayang. Rasa sayang dan rasa marah semuanya mengalir dalam kata-kata dan akhirnya diserap ke hati. Sedangkan Zarrah, seorang cikgu sekolah yang keras jiwanya. Tidak pernah mengerti dan hanya mementingkan perasaan dirinya sendiri saja. Akhirnya, segala yang dibina berkecaci. Mungkin yang membina hanya Irwan sedang Zarrah mahu merobohkannya.

"Ramai lagi perempuan yang baik di luar sana, Irwan," bisik Budin sambil tersenyum. Irwan turut tersenyum dengan pernyataan itu. Hati orang bukan seperti hati ayam. "Atau Irwan masih sayang pada Zarrah?" Kalau Irwan masih sayang bermakna Irwan gila

bayang. Gila talak sedang Zarrah tengah berbahagia dengan suami baharunya.

Irwan telah melupakan Zarrah dan kehidupan di masa lalu, tetapi kenangannya masih tinggal. "Irwan tidak mahu ingat dia lagi." "Tapi dia tetap ibu Siti."

"Ibu yang bertanggungjawab akan sentiasa mengambil tahu tentang anaknya, Irwan," Irwan mula beremosi. Sudah lebih empat tahun Zarrah tidak lagi menghiraukan Siti. Sejak Zarrah bersuami baharunya, dia tidak datang menjenguk Siti lagi. Sejak Irwan menjatuhkan talak dulu, Zarrah selalu mengugut untuk merampas Siti daripada jagaanku, menggunakan kuasa yang ada padanya. Walaupun dia tidak datang, Irwan lega. "Marahmu berapi, Irwan. Itu tanda Irwan masih sayang pada Zarrah." "Budin pandai-pandai saja," Irwan tambah berang dengan Budin kerana mengacahnya begitu. Irwan tidak menyayangi sesiapa lagi kecuali sayang pada dirinya sendiri, pada Siti dan pada ibu yang melahirkan Irwan.

"Maafkan Irwan, Budin. Irwan hanya mahu bergurau. Kalau kau bercuti panjang nanti, tentu kau tidak dapat bergurau dengan aku lagi," dia datang kepadaku dan memeluk badanku dengan mesra. "Kalau Irwan tiada, puaslah kau mengumpat tentang aku." "Irwan tidak terlibat. Lagipun Irwan tidak mahu pahala puasaku menjadi hilang."

Lewat petang itu, Irwan sampai di rumah ibu. Walaupun hari sudah gelap, lampu di ruang tamu masih tidak berpasang. Irwan merasa kegelisahan dan kesunyian yang maha perit. Ibu menyambut kedatangan kami seadanya. Itulah ibu sejak ayah pergi empat tahun yang lampau. Sebenarnya ibu turut pergi bersama ayah. Yang tinggal cuma jasadnya. Kemeriahannya untuk menyambut bulan Syawal telah hilang. Waktu ayah masih ada, tentu waktu-waktu begini ayah sibuk mencari nafkah untuk menyara kehidupan seharian. Kata ayah, berpuasa yang pertama mesti istimewa. Selepas selesai Sembahyang Tarawih, ayah akan terus tidur kerana takut tidak terjaga waktu dinihari untuk berpuasa. Ayah yang selalu mengejutkan kami waktu berpuasa. Kami wajib berpuasa kerana kata ayah, jangan diabaikan pahala berpuasa kerana yang mendapat ganjaran pahala itu bukan sahaja orang yang bangun berpuasa tetapi juga kepada orang yang menyediakan juadahnya. Bila kembali ke rumah peninggalan ayah itu, terasa terbayang-bayang di telingaku suara ayah terutama bila awal bulan Syawal tiba. Sesungguh awal bulan Syawal mendekatkan kami kerana itu Irwan berusaha mengambil cuti untuk berhari raya bersama ibu. Irwan mahu menyambung kasih sayang mereka.

"Irwan, kau tak mahu kahwin lagi?" tanya ibu ketika kami balik dari masjid. Tangan kasar ibu membelai rambut panjang Siti yang tertidur di atas riba ibu. Mungkin kelelahan waktu di masjid tadi. Walaupun tidak mampu bersembahyang dengan sempurna tetapi dia cuba mengikut gerak laku kami. Kadang-kadang dia terduduk untuk menghilangkan rasa lelah.

"Ibu mahu cucu lagi?" soal ibu sambil menyentuh tanganku. Dulu kami tidak akrab. Mungkin hanya Irwan anak lelaki ibu. Sebab

itu, Irwan tidak berdaya untuk menolak permintaan ibu supaya menerima Zarrah sebagai isteri walaupun cinta terhadap perempuan itu tidak pernah dekat.

"Cucu ibu hanya seorang saja, Siti, Irwan. Anak abang Longmu sudah tiga orang dan anak bungsumu sudah empat orang semuanya. Hari Aidilfitri nanti pulanglah mereka. Tambah ramailah rumah itu," Irwan tersenyum sendiri membayang kebahagiaan itu. Walaupun mata ibu tersenyum namun Irwan melihat lebih banyak cahaya kesunyian dari mata itu.

"Ibu yang menyebabkan Irwan begini. Kalau ibu tidak menentukan jodoh Irwan dengan Zarrah tentu tidak begini jadinya hidup Irwan. Jodoh kita di tangan Tuhan. Ibu..." pujukku pada penyesalan ibu yang sering kali dimusnahkan padaku.

"Dulu ayahmu juga menghalang Irwan berkahwin dengan Zarrah tetapi ibu berkeras mahu Irwan kahwin dengan perempuan itu semata-mata kerana Zarrah berharta," ku lihat air mata menitis dari kedutan di pipinya. Ibu menyapu air mata itu dengan jemarinya.

"Ibu berdosa pada ayahmu. Ibu sering kali membantah kata ayahmu. Ibu keras kepala, Irwan. Kalau ibu menurut kata ayahmu tentu hidup Irwan tidak akan jadi begini," ujar ibu. "Ayah sudah mengampuni ibu," Irwan memeluk ibu begitu erat. "Ibu tak pernah berasa tenang Irwan..."

"Irwan tidak pernah salahkan ibu..." sudah berkali-kali Irwan bilang begitu di cuping telinganya tetapi ibu tidak berhenti bersalah.

"Ibu, tinggal beberapa hari lagi kita akan berhari raya, Irwan balik nak berhari raya dengan ibu. Irwan nak sambut Syawal bersama ibu. Irwan mahu makan sedap-sedap seperti dulu. Seperti waktu ayah masih ada dulu." Air mata kami membanjiri malam yang tenang itu. Malam itu kami bertiga tertidur di ruang tamu dengan pakaian sembahyang yang masih di badan.

"Irwan, malam tadi ibu bermimpi ayah kau datang dekat dengan ibu. Sudah lama ibu tidak bermimpi begitu. Ibu rindukan ayah kau, Irwan. Irwan juga rindukan ayah, ibu siang nanti kita ke kubur ayah ya, ibu..." ibu mengangguk. Ku harap ibu tidak akan hampa dengan kepulanganku. Selalu juga Irwan minta ibu tinggal bersamanya tetapi ibu beralasan mahu menjenguk kubur ayah dan menjaga peninggalan ayah seperti tanah yang ada sebidang dua kerana itu amanahnya sebelum meninggal.

"Wasiat ayahmu, rumah yang tinggal sekarang adalah untuk kami. Tanah yang ada juga jangan dijual kerana itulah harta hasil dari titik peluh ayahmu untuk dibanggakan oleh anak cucu nanti."

"Kau anak yang baik, Irwan tapi sayang kau tak sebahagia macam orang lain." "Irwan bahagia, ibu." "Tapi hatimu hancur." "Hati Irwan sudah sembuh." "Kau seperti ibu juga tapi beza kita, kasih sayang yang ibu ada kekal hingga ke mati tapi kasih sayang kau tercalar."

"Percayalah ibu, Irwan bahagia hidup begini tetapi kadang-kadang bila Irwan menilik wajah Siti datang rasa benci padanya sebab wajah Siti menyerupai ibunya. Irwan

cuba membuat rasa itu, bu..." ujarku jujur. "Itu tandanya kau masih dendam."

"Tidak ibu. Irwan tidak dendam. Pun tidak pernah menyalahkan ibu..." "Ibu masih ingat masa Irwan merayu pada ibu yang Irwan mahu belajar dulu sebelum mendirikan rumah tangga. Ayahmu pun setuju dengan Irwan tetapi ibu seorang saja yang degil. Ibu takut kesenangan yang Zarrah ada terlepas ke tangan orang lain. Ibu paksa Irwan supaya menerima Zarrah."

"Jangan ungit lagi perkara yang sudah lepas, Irwan pulang bukan untuk ibu mengenang kenangan silam itu. Tolong ibu!" rayuku sungguh-sungguh. Sesungguhnya Irwan telah melupakan semuanya tetapi setiap kali berdepan dengan ibu, ibu tidak lepas mengulangi cerita-cerita itu. Ibu tidak bersalah. Kalau ibu bersalah, Irwan yang bergelar seorang anak telah lama memaafkan ibu. Berkali-kali sudah Irwan menyebut kata itu dan memohon ibu jangan menyebut lagi. Kalau ibu mahu menyebut Irwan mengugut tidak akan pulang lagi. Tapi Irwan tetap pulang. Ke mana Irwan mahu pulang kalau tidak ke rumah ibu.

Hari itu puasa hanyat tinggal dua tiga hari lagi. Terlalu cepat waktu berlalu. Irwan mahu waktunya menjadi panjang lagi agar Irwan dapat bersama dengan ibunya lebih lama lagi.

Walaupun tidak banyak dapat menghiburkan hatinya, tetapi Irwan tahu dengan adanya Irwan di sisinya, Irwan dapat mengalih rasa sunyinya. Menolongnya menyediakan hidangan untuk berbuka berpuasa, dan bertarawih bersama dan menemaninya berbual tentang ayah dan masa lalu. Hati ibu terisi dan sering juga ku lihat ibu tersenyum menampak giginya yang masih kukuh walaupun dimamah usia. Kerenah ibu juga mampu menggeletek hati tuanya. Hari itu ibu masak bubur ubi. Irwan tahu itu ialah makanan kesukaan ayah ketika bulan puasa. Sudah agak lama ibu tidak memasak juadah itu. Mungkin ibu takut akan teringat pada ayahmu.

"Ibu mahu melupakan ayahmu, Irwan tapi ibu tidak mampu," ujar ibu sambil menyapu bubur ubi itu ke dalam mulutnya. Ku lihat kelopak jernih di matanya. "Sepatutnya ibu pergi sebelum ayahmu. Dulu ayah selalu berdoa begitu supaya ibu tidak hidup dalam kesunyian selepas dia tiada. Tapi Allah Subhanahu Wata'ala lebih sayangkan dia. Ayahmu terlalu sayangkan ibu tetapi ibu selalu menderhaka kepadanya." Mangkuk yang masih berbaki bubur ubi ditolak ke tepi. Ibu seakan tidak sanggup untuk menghabiskannya. Ibu mengangkat punggungnya dan beredar dari meja makan. Siti yang tidak mengerti apa-apa mengekor ibu. Ibu mendukung Siti tetapi anak itu berkeras mahu berjalan sendiri. Akhirnya ibu meletakkan Siti di bawah seraya memimpin tangan kecil Siti.

Bila Irwan menggerakkan ibu untuk bangun berpuasa pada bulan yang berkat itu, puasa ke-30 hari itu, ibu tidak bergerak lagi. Malam itu ibu menghemuskan nafas yang terakhir. Kalau itu sudah ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala, Irwan reda segala-segalanya.



Memperkasa industri agrimakanan, diversifikasi ekonomi negara

Oleh : Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Ihsan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

SIRI PERTAMA

SELARAS dengan Wawasan Brunei 2035, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Perikanan akan terus memperkuuh Pembangunan Sektor Industri Agrimakanan dan Pemprosesan Makanan Laut untuk mendukung sekuriti makanan dan pemacuan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Industri Agrimakanan dan Pemprosesan Makanan Laut adalah di antara lima sektor utama yang dikenal pasti dalam menyokong diversifikasi ekonomi negara dan potensinya tinggi dalam menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai hab pengeluaran makanan halal (*halal hub*) di rantau ini. Dalam usaha ini, KSSUP bekerjasama dengan agensi yang berkepentingan memberi tumpuan kepada :

1. Memperkuuhkan Industri Pemprosesan Makanan - Dengan penggunaan teknologi moden dan peningkatan kecekapan pemprosesan, penghasilan produk tempatan dijamin berkualiti tinggi dan mampu bersaing di pasaran domestik dan antarabangsa.

2. Menarik Pelaburan Asing (FDI) - Menyediakan iklim pelaburan yang stabil, infrastruktur yang baik dan kelebihan akses ke pasaran antarabangsa. Selain itu, sistem

pensijilan halal yang diiktiraf di peringkat antarabangsa juga meningkatkan mampu bersaing di pasaran domestik dan antarabangsa.

3. Menggalakkan Pertumbuhan Syarikat Tempatan - Kementerian juga komited untuk mendukung syarikat tempatan dalam meningkatkan kapasiti pengeluaran dengan mengembangkan keupayaan syarikat daripada beroperasi di rumah ke premis yang bertaraf industri.

Dengan strategi yang holistik dan kerjasama antara sektor awam dan swasta, NBD berada pada landasan yang kukuh untuk menjadi hab industri agrimakanan yang berdaya saing dan mampan di peringkat global.

Ini terbukti melalui usaha bersepadau antara kerajaan, syarikat tempatan, dan pelabur asing, kita telah berjaya menarik pelaburan berkualiti tinggi, meningkatkan keupayaan pemprosesan makanan, dan memperkuuh kedudukan NBD dalam pasaran serantau.

Salah satu pencapaian penting dalam industri agrimakanan adalah kejayaan mendapatkan akreditasi daripada Singapore Food Agency (SFA) bagi salah satu syarikat tempatan untuk menembusi pasaran eksport ke Republik Singapura.

Kejayaan ini adalah hasil daripada usaha kolaboratif antara KSSUP, Autoriti Makanan Brunei Darussalam (BDFA), Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), dan PDS Abattoir Sdn. Bhd. dalam memastikan pemprosesan makanan di NBD mencapai

piawaian antarabangsa dan memenuhi keperluan pasaran luar.

Proses ini melibatkan penilaian secara menyeluruh, pemantauan sistem kawalan kualiti, dan penyelaras bersama bagi memastikan piawaian keselamatan makanan yang tinggi terus dipertingkatkan. Akreditasi ini membuktikan bahawa produk tempatan mampu menembusi pasaran serantau dan bersaing di peringkat global.

Dalam usaha menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) ke sektor agrimakanan, kerajaan NBD telah menyediakan tapak pemprosesan makanan kepada Atoll Agro, sebuah syarikat pelaburan asing yang sebelum ini beroperasi dalam sektor minyak dan gas, kini melebarkan sayap ke industri makanan.

Dengan sokongan KSSUP, BEDB, Atoll Agro telah memulakan pengeluaran produk makanan di bawah jenama Mantap, yang kini telah memasuki pasaran tempatan. Pelaburan ini bukan sahaja membuka peluang baharu dalam sektor pemprosesan makanan tetapi juga mewujudkan rantaian nilai yang lebih kukuh dalam industri agrimakanan NBD.

Produk Mantap telah dilancarkan dalam satu majlis rasmi yang dihadiri oleh pelbagai pihak berkepentingan, dan kini mula dijual di pasaran tempatan sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk mengukuhkan kehadiran produk pemprosesan NBD di peringkat nasional dan serantau dan diharap akan dapat meningkatkan lagi pengeluaran bagi pasaran eksport.

Kemasukan Atoll Agro ke dalam sektor makanan bukan sahaja mencerminkan keyakinan pelabur luar terhadap potensi agrimakanan NBD, tetapi juga memberikan pelbagai manfaat kepada negara dan rakyat

NBD, termasuk :

1. Pemindahan teknologi dan kepakaran Atoll Agro membawa teknologi pemprosesan makanan yang canggih serta kepakaran antarabangsa, yang akan membantu meningkatkan kecekapan dan standard industri pemprosesan makanan tempatan. Ini membuka peluang kepada syarikat tempatan untuk belajar dan menyesuaikan teknologi moden dalam operasi mereka.

2. Peluang pekerjaan dan pembangunan modal insan

Dengan pengembangan operasi Atoll Agro ke sektor makanan, lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan bagi tempatan, terutamanya dalam bidang pemprosesan makanan, kejuruteraan, kawalan kualiti, dan pengurusan operasi. Ini sejajar dengan usaha kerajaan untuk membangunkan modal insan yang berkemahiran tinggi dalam industri strategik.

3. Memperkuuh ekonomi dan rantaian bekalan tempatan

Kehadiran Atoll dalam industri makanan akan membantu mengukuhkan ekosistem agrimakanan tempatan, di mana lebih banyak syarikat pembekal tempatan boleh bekerjasama dalam menyediakan bahan mentah dan perkhidmatan sokongan. Ini akan memberi manfaat kepada petani, penternak, dan usahawan kecil yang menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan.

4. Menjadikan NBD sebagai hab pemprosesan makanan

Pelaburan seperti ini membantu memperkuuh aspirasi NBD untuk menjadi hab pemprosesan makanan yang diiktiraf di peringkat serantau, dengan menampilkan produk yang memenuhi piawaian tinggi dan mampu bersaing di pasaran antarabangsa.



MENINGKATKAN SEMANGAT, MOTIVASI PELAJAR

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



RIMBA, Rabu, 23 April. - Seramai 199 pelajar Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB) menerima hadiah terbaik setiap kelas dalam Peperiksaan Akhir Tahun bagi Tahun 5 hingga Tahun

10 (Normal Track) dan 32 pelajar yang telah berjaya memperoleh gred 5 'A' dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pada Majlis Penghargaan Pelajar Cemerlang SASHHB bagi Tahun

SEKITAR Majlis Penghargaan Pelajar Cemerlang Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan (kanan dan kiri).



1445 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan, baru-baru ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Quran dan diteruskan dengan ucapan daripada Pengetua SASHHB, Awang Haji Norhisyam bin Haji Mohd. Noor, yang kemudiannya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pelajar-pelajar yang diraikan.

Majlis penghargaan berkenaan merupakan acara tahunan bertujuan sebagai pemangkin

semangat dan motivasi kepada para penerima dan pelajar lain untuk mencapai kejayaan cemerlang yang serupa pada masa akan datang.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Muhammad Ilham Syakirin bin Haji Muhammad Salleh, iaitu tenaga pengajar SASHHB.

Memastikan kemaslahatan masyarakat terus terjaga

Siaran Akhbar: Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 April. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Syariah mengambil perhatian serius terhadap pengumuman rasmi oleh Badan Penyelenggara Jaminan Produk Halal (BPJPH) dan Badan Pengawas Obat dan Makanan (BPOM) Republik Indonesia pada 21 April 2025 berhubung penarikan balik produk makanan dari pasaran Indonesia yang didapati mengandungi DNA khinzir (*porcine*).

Berdasarkan siaran media rasmi Badan Penyelenggara Jaminan Produk Halal (<https://bpjph.halal.go.id/detail/siaran-pers>) hasil pemantauan bersama dengan Badan Pengawas Obat dan Makanan mendapati sebanyak 11 batch daripada sembilan produk makanan telah dikesan mengandungi DNA khinzir (*porcine*) melalui analisis makmal.

Daripada jumlah tersebut, sembilan batch daripada tujuh produk memiliki sijil halal, manakala dua batch daripada dua produk tidak memiliki sijil halal.

Sehubungan dengan itu, dan berpandukan kepada hasil pemeriksaan pihak BPJPH dan BPOM tersebut, produk-produk tersebut dikategorikan sebagai syubhab dan perlu diasingkan serta tidak dipamerkan untuk jualan di ruang umum.

Jabatan Hal Ehwal Syariah melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal kini sedang giat menjalankan siasatan dan pemeriksaan ke pasar raya di negara ini dan kedai-kedai untuk memastikan jika produk-produk terbabit ada dijual di premis-premis berkenaan.

Sampel produk-produk juga akan dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan untuk dianalisa bagi pengesahan lanjut kandungan produk.

Oleh yang demikian, bagi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di negara ini, Jabatan Hal Ehwal Syariah ingin menasihatkan kepada mana-mana pemilik perniagaan yang ada menjual produk-produk makanan tersebut di premis-premis mereka untuk segera mengasingkannya daripada ruangan jualan umum sebagai langkah berjaga-jaga agar masyarakat Islam tidak terbeli atau mengambil produk-produk terbabit.

Di samping itu, KHEU ingin menasihatkan agar pihak syarikat sentiasa mengambil langkah berhati-hati dan berwaspada serta memastikan terlebih dahulu maklumat makanan yang dibawa masuk ke negara ini untuk dijual kepada orang awam bagi mengelakkan masyarakat Islam terjebak memakan produk-produk yang tidak halal atau diragui kehalalannya.

Aidilfitri sebagai medan penyatuhan hati



MAJLS Silaturahim bagi mantan pelajar Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah Tutong bagi Tahun 1974 telah berlangsung di salah sebuah hotel di Jerudong yang dihadiri oleh mantan pelajar dan guru sekolah berkenaan.

■ Berita dan Foto : Ihsan Firdaus Hasnan

JERUDONG, Rabu, 23 April. - Meskipun Syawal sudah berada di penghujung bulan namun penganjuran majlis jamuan Aidilfitri masih rancak dianjurkan di sana sini.

Hari Raya hakikatnya bukanlah sekadar acara tradisi yang dihiasi pakaian baharu berwarna-warni, percikan bunga api dan aneka juadah menambat hati, tetapi ibadah yang disyariatkan ke atas umat Islam.

Baru-baru ini, Majlis Silaturahim bagi mantan pelajar Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah Tutong bagi Tahun 1974 telah berlangsung di salah sebuah hotel di Jerudong yang dihadiri oleh mantan pelajar dan guru sekolah berkenaan.

Majlis bertujuan untuk memupuk semangat ukhuwah dan kerjasama sesama mantan pelajar sekali gus mengimbau kenangan silam ketika di alam persekolahan di samping memperingati 50 tahun menjalankan persahabatan.

Pengerusi Bersama, Awang Mansur bin Haji Ibrahim semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya menjelaskan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah Tutong juga menjadi titik permulaan untuk mereka saling mengenali rakan taulan daripada segenap pelusuk Daerah Tutong. Ini kerana sekolah berkenaan merupakan satu-satunya menempatkan para pelajar persediaan Inggeris.

Majlis pada hari berkenaan turut diserikan lagi dengan

memotong pulut kuning oleh para mantan guru yang sama-sama meraikan Majlis Silaturahim sempena 50 Tahun, 1974 hingga 2024.

Apa yang penting, nilai murni dan positif yang diperoleh daripada majlis berkenaan bukan sekadar dijelmakan pada Ramadan atau Syawal, sebaliknya diteruskan sepanjang tahun.

Umat Islam khususnya perlu menjadi Ummatan Wasatan yang boleh memberi teladan baik dan memperlihatkan kualiti yang tiada tolak bandingannya. Justeru, kita perlu menghayati semangat Syawal sebenar yang menyambung silaturahim, mengukuhkan perpaduan dan membina kekuatan umat Islam berlandaskan ketinggian budi, ilmu serta akhlak.



AFRIKA SELATAN SERU KERJASAMA GLOBAL TANGANI KRISIS MAKANAN DAN IKLIM

JOHANNESBURG, 24 April. - Negara-negara di seluruh dunia diseru agar memperkuat kerjasama dalam menangani isu kekurangan makanan, ketidakstabilan iklim dan pengecualian sistemik yang semakin mengancam kestabilan sistem makanan global, kata Menteri Pertanian Afrika Selatan, John Steenhuisen.

Bercakap pada Mesyuarat Kumpulan Kerja Pertanian G20 yang berlangsung di Durban dari

Rabu hingga Jumaat, Steenhuisen berkata Afrika Selatan kini berdepan dengan peningkatan kos input pertanian, kejutan iklim yang sukar diramal serta kekangan fiskal yang mencabar.

Menurut beliau, jalan penyelesaian terletak pada pemindahan teknologi dan inovasi, khususnya dalam merapatkan

jurang antara pencipta dan mereka yang memerlukan akses kepada teknologi itu.

"Negara-negara perlu membangunkan sistem yang dapat memenuhi keperluan makanan dunia tanpa menjadikan ekosistem yang mendukungnya," kata Steenhuisen.

Beliau turut menegaskan komitmen Afrika Selatan terhadap pendekatan yang inklusif, telus dan berasaskan tindakan nyata.

"Sebagai tuan rumah dan pengerusi kumpulan kerja ini, Afrika Selatan komited memastikan platform ini menjadi ruang kepada cita-cita bersama, kerjasama praktikal serta transformasi jangka panjang,"

katanya.

Mesyuarat pelbagai kumpulan kerja G20 sedang berlangsung di Afrika Selatan sejak negara itu mengambil alih jawatan Pengerusi G20 pada 1 Disember lalu.

Afrika Selatan turut dijadual menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Pemimpin G20 pada November ini. - ©BERNAMA

EU denda Apple, Meta kerana langgar akta persaingan digital

LONDON, 24 April. - Kesatuan Eropah (EU) telah mengenakan denda yang tinggi terhadap dua gergasi teknologi Amerika Syarikat (AS), Apple dan Meta, sebagai tindakan penguatkuasaan pertama di bawah Akta Pasaran Digital (DMA) yang baru dikuatkuasakan.

Langkah itu menandakan pendirian lebih tegas Brussels dalam usaha mengehadkan dominasi syarikat teknologi besar dalam ekonomi digital, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Apple dikenakan denda sebanyak 500 juta (AS\$570 juta) kerana menghalang pembangun aplikasi daripada mengarahkan pengguna ke pilihan lebih murah di luar ekosistem App Store miliknya.

Meta pula didenda 200 juta kerana memaksa pengguna Instagram dan Facebook untuk menerima iklan disasarkan atau membayar untuk memilih keluar - pendekatan yang disifatkan EU sebagai memaksa dan bercanggah dengan prinsip pilihan pengguna.

DMA yang mula berkuat kuasa awal tahun ini bertujuan meningkatkan pilihan pengguna dan mewujudkan persaingan yang lebih adil dalam ruang digital EU dengan mengehadkan kuasa pasaran syarikat gergasi yang digelar 'penjaga gerbang'.

Denda itu, yang pada asalnya dijangka diumumkan pada Mac, dilaporkan tertangguh susulan ketegangan perdagangan yang semakin memuncak antara EU dan AS di bawah pentadbiran Presiden Donald Trump.

Walaupun berlaku penangguhan, Brussels tetap meneruskan tindakan berkenaan sebagai bukti komitmen untuk mengawal selia platform digital.

Apple mengkritik keputusan berkenaan dengan menyatakan bahwa syarikat itu dijadikan sasaran secara tidak adil oleh EU.

"Kami telah melaburkan ratusan ribu jam kejuruteraan dan membuat puluhan perubahan untuk mematuhi undang-undang ini," menurut kenyataan Apple.

Meta turut membantah tindakan itu. Ketua Hal Ehwal Global Meta, Joel Kaplan menuduh EU cuba menyekat perniagaan Amerika yang berjaya sambil membenarkan syarikat China dan Eropah beroperasi di bawah standard berbeza.

Langkah ini dijangka menambah ketegangan antara Silicon Valley dan EU, tatkala pengawal selia di kedua-dua belah Atlantik bergelut untuk mengurus pengaruh firma teknologi terbesar dunia. - ©BERNAMA

Gunung berapi Semeru di Indonesia meletus empat kali, letusan abu cecah 800 meter

JAKARTA, 23 April. - Gunung berapi Semeru di Wilayah Jawa Timur, Indonesia meletus sebanyak empat kali pada Selasa, menghamburkan abu setinggi 800 meter dari puncaknya, menurut Pusat Vulkanologidan Mitigasi Bencana Geologi (PVMBG), lapor Xinhua.

"Letusan pertama berlaku pada 5.55 pagi waktu tempatan, dengan letusan abu mencapai 800 meter ke arah utara, diikuti letusan kedua pada 6.30 pagi dengan ketinggian abu mencecah 700 meter ke timur laut selama 120 saat," kata Yadi Yuliandi, pegawai di Pos Pemerhatian Gunung Semeru.

Letusan ketiga berlaku pada 8.41 pagi selama 113 saat, manakala letusan keempat pada 12.08 tengah hari berlangsung selama 135 saat dengan abu setinggi 800 meter.

Gunung berapi setinggi 3,676 meter yang terletak di sempadan Wilayah Lumajang dan Malang itu kini berada pada tahap amaran kedua.

PVMBG mengesyorkan orang ramai agar tidak menjalankan sebarang aktiviti dalam radius 3 kilometer dan 8 kilometer ke arah tenggara dari puncak gunung, serta mengelakkan kawasan aliran sungai yang berpuncak dari Gunung Semeru. - ©BERNAMA

Ramai dikhawatiri maut dalam serangan bersenjata ke atas pelancong di Kashmir

SRINAGAR (Jammu dan Kashmir), 23 April. - Beberapa orang dikhawatir terburuh manakala ramai yang lain cedera selepas sekumpulan lelaki bersenjata melepaskan tembakan ke arah sekumpulan pelancong di Wilayah Kashmir yang ditadbir India pada Selasa, menurut sumber polis kepada Anadolu Ajansi (AA).

Polis dan pentadbiran wilayah menyifatkan insiden di destinasi pelancongan Pahalgam di selatan Kashmir itu sebagai antara serangan paling buruk dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Kawasan itu menarik ribuan pelawat setiap tahun termasuk dari luar negara.

Seorang pegawai polis yang enggan namanya disiarkan memberitahu Anadolu, jumlah korban masih belum dapat disahkan, namun ramai dipercayai

terburuh dalam serangan yang disifatkannya sebagai kejam dan tidak berperikemanusiaan.

Ketua Menteri Omar Abdullah menyifatkan serangan terhadap pelancong itu sebagai suatu tindakan kebencian.

"Pihak yang melakukan serangan ini, tidak berperikemanusiaan dan wajar dikecam," katanya di media sosial sambil memaklumkan yang angka sebenar kematian masih dalam proses pengesahan.

Menteri Dalam Negeri India, Amit Shah berkata beliau sudah memaklumkan Perdana Menteri Narendra Modi mengenai serangan itu dan mengadakan mesyuarat bersama pegawai keselamatan. Beliau dijangka melawat wilayah bergolak itu.

Amit Shah turut menegaskan yang mereka yang terlibat dalam tindakan keganasan keji ini tidak

akan terlepas, dan kerajaan akan mengambil tindakan paling tegas terhadap dalang serangan.

Wilayah Himalaya itu yang dituntut sepenuhnya tetapi ditadbir berasingan oleh India dan Pakistan, lama berada di dalam kancah keganasan sejak pemberontakan bersenjata menentang India bermula pada 1989. Bagaimanapun, serangan terhadap pelancong jarang berlaku.

Jun lepas, sebuah bas yang membawa penziaroh Hindu diserang, menyebabkan ia terjunam ke dalam gaung dan mengorbankan sekurang-kurangnya sembilan orang.

India membatalkan status khas Kashmir pada 2019 dan membahagikan wilayah itu kepada dua wilayah persekutuan - Jammu dan Kashmir, serta Ladakh. - ©BERNAMA

Naib Presiden Amerika Syarikat sokong hubungan ketenteraan lebih erat dengan India, promosi pesawat F-35

NEW DELHI, 23 April. - Naib Presiden Amerika Syarikat, J.D. Vance menggesa peningkatan kerjasama ketenteraan dengan India serta mengemukakan cadangan penjualan pesawat pejuang halimunan F-35 buatan negara itu kepada New Delhi, pada Selasa.

Menehkkan hubungan erat antara kedua-dua negara, Vance berkata Amerika menjalankan lebih banyak latihan ketenteraan bersama India berbanding mana-mana negara lain, dan kedua-dua pihak akan turut menghasilkan bersama pelbagai senjata dan kelengkapan yang mereka perlukan untuk mengekang penceroboh asing.

Inisiatif US-India COMPACT (Catalysing Opportunities for Military Partnership, Accelerated Commerce and Technology) yang diumumkan oleh Presiden Donald Trump dan Perdana Menteri Narendra Modi pada Februari lepasan menjadi asas kepada kerjasama lebih erat pada masa depan, katanya dalam ucapan di Jaipur, India.

Beliau turut merujuk kepada penubuhan Perikatan Industri Sistem Autonomi Bersama yang dilancarkan oleh Modi dan Trump bagi membangunkan dron maritim dan sistem anti-dron, sambil menyatakan bahawa India adalah tempat yang sesuai untuk menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak

Kepimpinan Quad tahun ini.

Quad yang turut disertai Jepun dan Australia, dilihat sebagai satu usaha untuk mengimbangi pengaruh China di rantau Asia-Pasifik.

Kepentingan Amerika Syarikat dan India dalam memastikan Indo-Pasifik yang bebas, terbuka, aman dan makmur adalah sejarah, kata Vance.

"Kita berdua sedar rantau ini mestil dilindungi daripada kuasa-kuasa bermusuhan yang berhasrat untuk menguasainya," kata beliau.

Vance berkata Washington mahu meningkatkan lagi kerjasama dengan New Delhi dan menjual lebih banyak kelengkapan ketenteraan kepada negara itu.

"Pesawat generasi kelima F-35 buatan Amerika, sebagai contoh, boleh memberi keupayaan baharu kepada Tentera Udara India untuk mempertahankan ruang udaranya dan melindungi rakyatnya," katanya.

Merujuk kepada perang tarif global yang dilancarkan oleh Trump, Vance berkata pentadbiran itu mahu menyeimbangkan semula perdagangan global dan mencari rakan dagang yang berdasarkan prinsip keadilan dan kepentingan nasional bersama.

"Kami mahu bekerjasama dengan pihak dan negara yang mengiktiraf hakikat sejarah masa ini, bahawa kita perlu bersatu

membina satu sistem perdagangan global yang seimbang, terbuka serta stabil dan adil," kata beliau.

Naib Presiden itu turut menekankan potensi kerjasama dalam sektor tenaga, termasuk tenaga nuklear.

Beliau berkata Amerika Syarikat mahu mengeksport lebih banyak bahan api kepada India serta mengambil bahagian dalam penerokaan sumber mineral dan hidrokarbon luar pesisir negara itu.

Vance menyambut baik pengumuman Kerajaan Modi baru-baru ini untuk meminda undang-undang liabiliti nuklear sivil India, yang selama ini menghalang syarikat AS daripada mengeksport reaktor modular kecil dan membina reaktor berskala besar rekaan Amerika di negara itu.

"Kami percaya tenaga Amerika boleh membantu mencapai matlamat pengeluaran tenaga nuklear India," katanya, sambil menegaskan bahawa masa depan kecerdasan buatan tidak dapat direalisasikan tanpa keselamatan dan penguasaan tenaga.

Vance bersama isterinya Usha dan tiga anak mereka tiba di New Delhi pada Isnin untuk lawatan empat hari ke India.

Mereka melawat Kubu Amber di Jaipur pada Selasa pagi dan dijadual ke Agra bagi melihat Taj Mahal pada Rabu. - ©BERNAMA

KEMBOJA ANJUR FORUM RAMALAN IKLIM ASEAN, TUMPU ISU GELOMBANG HABA, KESIHATAN AWAM

PHNOM PENH, 25 April. - Forum Ramalan Iklim ASEAN Ke-24 diadakan di Phnom Penh, ibu negara Kemboja, pada Khamis dengan memberi tumpuan kepada isu gelombang haba dan kesihatan awam, lapor Xinhua.

Forum berkenaan disertai antaranya oleh pakar iklim dari negara anggota ASEAN serta wakil daripada Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO), Pusat Meteorologi Khusus ASEAN dan Sistem Amaran Awal Pelbagai Bahaya Bersepadu Serantau (RIMES).

Menteri Sumber Air dan Meteorologi Kemboja, Thor Chetha, dalam ucapan perasmian berkata ASEAN kini menjadi kawasan panas bagi kesan

perubahan iklim, termasuk banjir, kemarau dan gelombang haba.

Beliau menekankan kepentingan penyelidikan iklim dan mengenal pasti punca fenomena semula jadi bagi menangani ancaman jangka panjang perubahan iklim.

"Negara di rantau ini perlu bekerjasama dalam pertukaran data, teknologi dan pengetahuan untuk menangani cabaran iklim," katanya.

"Kerjasama serantau akan membolehkan ramalan yang lebih tepat, pemahaman lebih mendalam mengenai perubahan iklim dan respons yang bersesuaian terhadap fenomena semula jadi, kini dan pada masa depan," kata beliau.

Chetha berkata perubahan iklim adalah isu utama yang berkait rapat dengan pembangunan bandar, pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosial, selain menjelaskan dan menghalang usaha pembangunan pelbagai sektor.

Beliau yakin hasil forum ini akan bermanfaat kepada semua pihak berkepentingan dalam merangka pelan strategik praktikal bagi menangani, mengurangkan dan menyesuaikan diri dengan perubahan iklim.

ASEAN terdiri daripada Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. - ©BERNAMA

Usaha pembaharuan Bangladesh dapat sokongan kuat Qatar

NEW DELHI, 25 April. - Program pembaharuan kerajaan sementara Bangladesh menerima sokongan kuat dari Qatar.

Ketua Penasihat Kerajaan Sementara Bangladesh, Muhammad Yunus dan Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Qatar, Sheikh Mohammed bin Abdulrahman Al Thani, mengadakan pertemuan di Doha pada Khamis bagi memperkuuh kerjasama dua hala.

Yunus memohon sokongan penuh Qatar daripada segi diplomatik, kewangan dan pelaburan

untuk membina 'Bangladesh Baru', menurut satu kenyataan.

"Kami perlukan sokongan untuk membina negara impian belia kami," kata Yunus kepada Sheikh Mohammed.

Bangladesh sedang melaksanakan pelbagai pembaharuan selepas penyingkirkan Sheikh Hasina sebagai Perdana Menteri menerusi kebangkitan massa yang diketuai oleh pelajar pada tahun lepas.

Bangladesh turut memohon sokongan Qatar dalam usaha memudahkan kepulangan pelarian

Rohingya ke tanah air mereka di Myanmar secara bermaruah.

Perdana Menteri Qatar menggesa Bangladesh menghantar pasukan teknikal ke Qatar bagi mengadakan perbincangan mengenai pelbagai bidang kerjasama.

Yunus dalam lawatan empat hari ke Qatar yang bermula Isnin, diiringi oleh pegawai kanan termasuk Penasihat Hal Ehwal Luar, Touhid Hossain, Penasihat Tenaga, Fouzul Kabir Khan dan Penasihat Keselamatan Negara, Khalilur Rahman. - ©BERNAMA

Empat panda akan kembali ke China dari zoo Jepun pada Jun

WAKAYAMA (Jepun), 25 April. - Kesemua empat ekor panda gergasi yang dipinjamkan ke sebuah zoo di barat Jepun akan dihantar pulang ke China akhir Jun ini, lebih awal daripada tarikh tamat perjanjian pajakan, menurut pengendali zoo itu pada Khamis.

Menurut agensi berita Kyodo, Rauhin yang berusia 24 tahun serta tiga anaknya - Yuihin (8 tahun), Saihin (6 tahun) dan Fuhin (4 tahun) - akan berlepas dari taman tema Adventure World di Shirahama, Wilayah Wakayama,

ke habitat baru mereka di Pangkalan Penyelidikan dan Pembiasaan Panda Gergasi di Chengdu, Wilayah Sichuan, China.

Adventure World memulakan program kerjasama pembiasaan panda dengan pusat penyelidikan China itu pada 1994 dan sebelum ini menjadi tempat tinggal kepada seekor panda jantan, Eime, yang tiba di Jepun secara pinjaman pada tahun yang sama.

Sepanjang berada di Wakayama, Eime mendapat 10 anak bersama Rauhin dan enam

lagi dengan seekor panda betina lain.

Eime dihantar pulang ke China pada 2023 dan meninggal dunia awal tahun ini.

Dengan kepulangan Rauhin dan anak-anaknya, hanya dua ekor panda gergasi akan tinggal di Jepun.

Kedua-dua panda itu kini ditempatkan di Zoo Ueno, Tokyo, yang menerima panda pertama dari China pada 1972 sempena memperingati pemulihan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara. - ©BERNAMA

236 cedera akibat gempa bumi di Istanbul

ISTANBUL, 24 April. - Gempa bumi berukuran 6.2 pada skala Richter melanda Istanbul, Turki pada Rabu, menyebabkan sekurang-kurangnya 236 orang cedera, lapor Anadolu Ajansi.

Pusat gempa terletak di daerah Silivri, Istanbul, menurut Pihak Berkasa Pengurusan Bencana dan Kecemasan (AFAD).

Gempa berlaku pada 12.49 waktu tempatan dan dirasai di seluruh Istanbul serta wilayah-wilayah berdekatan, menyebabkan orang ramai bertemparan lari meninggalkan bangunan.

Menteri Dalam Negeri, Ali Yerlikaya berkata gempa berlaku pada kedalaman hampir 7 kilometer

dan berlanjutan selama 13 saat.

Pejabat gabenor memaklumkan bahawa 236 cedera selepas terjung dari tempat tinggi akibat panik. Mereka kini sedang menerima rawatan di hospital.

"Sebanyak 127 gempa susulan direkodkan setakat 5.55 petang, dengan magnitud tertinggi berukuran 5.9 pada skala Richter," kata Yerlikaya.

Sementara itu, Menteri Alam Sekitar, Perbandaran dan Perubahan Iklim, Murat Kurum berkata sebanyak 378 laporan kerosakan struktur diterima melalui talian kecemasan 112.

Semua agensi berkaitan dan pasukan tindak balas digerakkan, manakala penilaian sedang dilakukan bagi menilai kerosakan dan memastikan keselamatan awam.

"Saya mengucapkan takziah dan mendoakan keselamatan semua rakyat jelata; kerajaan sedang memantau situasi secara dekat," kata Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan dalam satu kenyataan ringkas. - ©BERNAMA

AFAD dalam kenyataannya memaklumkan bahawa tiada laporan kematian atau kemasuhan besar diterima setakat ini berdasarkan penilaian laporan yang diterima daripada Pusat Panggilan Kecemasan 112.

Semua agensi berkaitan dan pasukan tindak balas digerakkan, manakala penilaian sedang dilakukan bagi menilai kerosakan dan memastikan keselamatan awam.

"Saya mengucapkan takziah dan mendoakan keselamatan semua rakyat jelata; kerajaan sedang memantau situasi secara dekat," kata Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan dalam satu kenyataan ringkas. - ©BERNAMA



Kru Shenzhou-20 berjaya masuk stesen angkasa lepas

BEIJING, 25 April. - Kapal angkasa lepas bermanusi Shenzhou-20 berjaya bercantum dengan kombinasi stesen angkasa lepas China pada 11.49 malam Khamis.

Selepas itu, tiga angkasawan Shenzhou-20 memasuki stesen angkasa lepas dan berjumpa dengan kru Shenzhou-19, kata Agensi Angkasa Lepas Bermanusi China (CMSA).

Kapal Shenzhou-20 dilancarkan menggunakan roket pembawa Long March-2F di Pusat Pelancaran Satelit Jiuquan pada 5.17 petang Khamis waktu Beijing.

Kira-kira 10 minit kemudian, kapal angkasa lepas itu berpisah dengan roket dan memasuki orbitnya.

Menurut CMSA, kru Shenzhou-20 akan mengadakan pertukaran syif dengan kru Shenzhou-19, mengadakan pelbagai eksperimen saintifik, di samping menjalankan aktiviti luar kenderaan (EVA), pemasangan kelengkapan perlindungan serpihan dan sebagainya.

Sehingga kini, China berjaya menghantar 26 angkasawan ke ruangan angkasa lepas.

CMSA berkata kru Shenzhou-19 dijadual akan kembali ke Bumi pada 29 April ini. - ©BERNAMA

Pesawat polis terhempas di Thailand, 6 maut

BANGKOK, 25 April. - Sebuah pesawat kecil polis terhempas berhampiran pantai bandar peranginan Hua Hin, wilayah Phetchaburi, Thailand pada pagi Jumaat, mengorbankan enam orang, menurut polis Thailand.

Polis negara Thailand menyatakan di laman media sosial bahwa pesawat dari bahagian penerbangan polis itu terhempas ke laut sejurus selepas berlepas, dengan kesemua enam orang di dalam pesawat terbunuh, lapor Xinhua.

Menurut polis kemalangan itu berlaku semasa pesawat sedang menjalankan ujian penerbangan untuk latihan payung terjun. Punca kemalangan akan disiasat.

Pusat Kecemasan Polis wilayah Phetchaburi berkata mereka menerima pemberitahuan mengenai insiden pesawat itu pada kira-kira 8.15 pagi. - ©BERNAMA

Pengisytiharan darurat di New Jersey akibat kebakaran hutan

NEW YORK, 24 April. - Kebakaran hutan yang bermula pada petang Selasa di New Jersey merebak pantas sehingga memusnahkan lebih 4,600 hektar kawasan menjelang Rabu, memaka pengisytiharan darurat dan pemindahan ribuan penduduk, lapor Xinhua.

Pemangku Gabenor New Jersey, Tahesha Way mengisytiharkan darurat bermula 7 pagi Rabu.

Beliau memaklumkan tiada kematian atau kerosakan struktur dilaporkan setakat ini.

Kebakaran yang dikenali sebagai Jones Road Wildfire tercetus di kawasan Pengurusan Hidupan Liar Greenwood Forest di Ocean County, sebelum merebak dengan pantas sehingga memusnahkan 3,400 hektar (8,500 ekar) menjelang malam, menurut Perkhidmatan Kebakaran Hutan New Jersey.

Didorong tiupan angin kencang mencecah 40 kilometer sejam, kebakaran hanya dapat dikawal 10 peratus pada malam Selasa.

Kebakaran turut mengancam 1,320 struktur dan mengakibatkan 3,000 penduduk di Ocean dan Lacey Township berpindah.

Menjelang 6.30 pagi Rabu, semua arahan pemindahan ditarik balik. Namun, lebih 25,000 kediaman terputus bekalan elektrik selepas pihak berkuasa mematikan talian bagi tujuan keselamatan.

"Kita benar-benar berjaya mengelakkan bencana besar. Kebakaran ini masih belum berjaya dikawal sepenuhnya. Banyak lagi usaha perlu dilakukan," kata Pesuruhjaya Perkhidmatan Kebakaran Hutan New Jersey, Shawn LaTourette pada Rabu.

Rakaman visual menunjukkan asap tebal mula menjelaskan kawasan selatan New Jersey, termasuk Atlantic City.

Ramalan cuaca menjangkakan tiupan angin berubah arah ke utara, menuju ke bandar raya New York menjelang malam Rabu dan berkemungkinan mencapai Long Island serta kawasan tengah utara New Jersey pada Khamis. - ©BERNAMA



PELITA BRUNEI SUKAN

DPMM FC TEWASKAN KB FC 6 - 1



ANTARA aksi perlawanan DPMM FC menentang KB FC yang berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Jumaat, 25 April. - DPMM FC berjaya menewaskan KB FC dengan keputusan 6 - 1 semasa perlawanan Suku Akhir pertama Piala FA Brunei yang berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Pada perlawanan tersebut, DPMM FC berada di depan seawal minit ke-12 menerusi Sergio Mendiguchia Iglesias untuk mengubah kedudukan 1-0.

Dengan penguasaan perlawanan, DPMM FC mengandakan jaringan

sebelum separuh masa pertama tamat menerusi jaringan Luis Matias Hernandez - Miruena.

Beberapa minit babak kedua perlawanan berjalan, Muhd. Haziq Naqiuddin Syamra memastikan DPMM FC terus selesa dengan menjaringkan gol ketiga perlawanan pada minit ke-53.

Selang beberapa minit kemudian, DPMM FC terus menambah derita pasukan KB FC apabila Muhamad Al-Kholil @ Muhamad Hisammuddin Sapawi / Hamdan menjaringkan gol keempat pada minit ke-60

bagi memastikan DPMM FC mempunyai kelebihan pada perlawanan Suku Akhir pertama Piala FA Brunei ini.

Dengan kedudukan 4-0, DPMM FC terus mengatur serangan dan akhirnya menambah dua lagi jaringan pada minit ke-90 dan 92, masing-masing dijaringkan oleh Kenshin Ueno dan Sergio Mendiguchia Iglesias, menjadikan kedudukan jaringan 6-0.

Pada saat-saat akhir, KB FC akhirnya memecahkan kebuntuan menerusi Mohammad Danish Bazli bin Mohammed Sumady dengan menjaringkan gol sagu hati buat pasukannya dan kedudukan jaringan 6-1 kekal hingga wisel penamat

dibunyikan.

Manakala, perlawanan yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas menyaksikan pasukan MS ABDB berjaya menumpaskan pasukan Kota Ranger FC dengan jaringan 2 - 0.

Perlawanan Piala FA Brunei diteruskan esok, 26 April 2025 dengan pasukan Wijaya FC akan bertembung dengan pasukan Kasuka FC di Kompleks Sukan Berakas jam 8.15 malam.

Sementara itu, pasukan Indera FC akan menentang MS PPDB di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, pada jam 8.15 malam.

Atletico, Betis menang, Valladolid tersingkir dari La Liga

MADRID, 24 April. - Atletico Madrid kekal di tangga ketiga dalam La Liga selepas menang 3-0 di tempat sendiri ke atas Rayo Vallecano pada malam Khamis.

Aksi cemerlang Atletico di depan gawang membolehkan pasukan Diego Simeone mempunyai kelebihan dengan Alexander Sorloth, Conor Gallagher dan Julian Alvarez menjaringkan gol menentang pasukan yang mempunyai banyak peluang di depan gawang tetapi tidak berasas baik.

Keputusan itu juga bermakna Atletico sekurang-kurangnya telah memastikan tempat di Liga Europa musim depan.

Real Betis mengatasi Villarreal untuk naik ke tempat kelima selepas mencatat kemenangan

selesa 5-1 di tempat sendiri kepada pasukan terbawah, Real Valladolid, yang akan tersingkir Divisyen Dua sejurus selepas kekalahan tersebut.

Jesus Rodriguez meletakkan Betis di hadapan selepas 17 minit, dan walaupun Chuki menyamakan kedudukan sebelum separuh masa, Betis berjaya mencuri peluang selepas rehat, dengan Cucho Hernandez, Isco, Romain Perraud dan Ezza Abde memastikan kemenangan selesa.

Osasuna naik ke tangga kelapan dengan kemenangan 1-0 ke atas Sevilla, menandakan kemenangan ketiga berturut-turut kelab itu.

Ruben Garcia menjaringkan gol pada pertengahan separuh masa

pertama dengan sepakan percuma yang sangat baik, dan pemain sayap Sevilla, Dodi Lukebakio menjadikan tugas Osasuna lebih mudah apabila dia dibuang padang kerana menyiku Alejandro Catena.

Kekalahan itu menyebabkan Sevilla perlu berusaha keras untuk memastikan tidak tersingkir daripada liga.

Munir el Haddadi menjaringkan gol pada masa kecederaan untuk memberikan Leganes satu mata di tempat sendiri, selepas pasukannya bermain selama lebih 70 minit dengan 10 pemain selepas Seydouba Cisse dibuang padang.

Cristian Stauni meletakkan Girona di hadapan pada minit ke-54, tetapi harapan musnah

untuk meraih tiga mata penuh selepas Munir berjaya menjaringkan gol pada saat-saat

akhir bagi memastikan kedua-dua pasukan berkongsi satu mata. - ©XINHUA

Tahukah Awda

PARA pemilik anjing peliharaan atau yang baru memiliki anjing harus mendaftarkan anjing mereka dan seterusnya mendapatkan lencana anjing sebelum 1 Februari 2023. Anjing-anjing peliharaan yang didaftarkan hendaklah berusia 3 bulan ke atas sebelum 1 Februari pada tiap-tiap tahun sama ada anjing yang baru dimiliki ataupun mana-mana anjing peliharaan yang pernah didaftarkan lesen dan lencana anjing sebelum ini dan telah tamat tempoh. Harga lesen anjing bagi setiap seekor anjing adalah BND5, manakala bayaran pendaftaran bagi mendapatkan lencana anjing adalah berharga BND3.

SUMBER : www.moha.gov.bn

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

DENGAN APA PUN BENDA DI DUNIA INI, SEMUANYA PERLU SEIMBANG